

NOKIA

Nokia 8 Sirocco

Panduan Pengguna

Jadual Kandungan

1	Perihal panduan pengguna ini	5
2	Bermula	6
	Pastikan telefon anda terkini	6
	Kekunci dan bahagian	6
	Insert or remove the SIM card	8
	Caskan telefon anda	9
	Hidupkan dan sediakan telefon anda	9
	Menyediakan ID cap jari	10
	Kunci atau buka kunci telefon anda	10
	Gunakan skrin sentuh	10
3	Asas	15
	Peribadikan telefon anda	15
	Buka dan tutup apl	15
	Pemberitahuan	16
	Kawal kelantangan	17
	Tangkapan skrin	17
	Hayat bateri	17
	Menjimatkan kos perayauan data	18
	Tulis teks	19
	Tarikh dan masa	21
	Jam dan penggera	22
	Kalkulator	23
	Kebolehcapaian	23
4	Sambungkan dengan rakan dan keluarga anda	24
	Panggilan	24
	Kenalan	24
	Hantar dan terima mesej	25
	Mel	26
	Mari bersosial	27

5 Kamera	28
Asas kamera	28
Record a video	29
Guna kamera anda seperti profesional	30
Foto dan video anda	31
6 Internet dan sambungan	33
Aktifkan Wi-Fi	33
Gunakan sambungan data mudah alih	33
Layari web	34
Tutup sambungan	36
Bluetooth®	36
NFC	38
VPN	40
7 Muzik dan video	41
Muzik	41
Video	42
8 Aturkan hari anda	43
Kalendar	43
Nota	44
9 Peta	45
Cari tempat dan dapatkan arah	45
Muat turun dan kemas kini peta	46
Gunakan perkhidmatan lokasi	46
10 Apl dan perkhidmatan	48
Google Play	48

11 Kemas kini dan sandaran perisian	50
Kemas kini perisian telefon anda	50
Sandarkan data anda	50
Pulihkan tetapan asal dan keluarkan kandungan peribadi daripada telefon anda	50
Storan	51
12 Lindungi telefon anda	53
Lindungi telefon anda dengan cap jari anda	53
Tukar kod PIN SIM anda	53
Kod akses	54
13 Maklumat produk dan keselamatan	56
Untuk keselamatan anda	56
Perkhidmatan dan kos rangkaian	59
Panggilan kecemasan	59
Menjaga peranti anda	60
Kitar semula	61
Simbol tong beroda yang berpangkah	61
Maklumat bateri dan pengecas	61
Kanak-kanak kecil	63
Peranti perubatan	63
Peranti perubatan yang diimplan	63
Pendengaran	64
Lindungi peranti anda daripada kandungan yang berbahaya	64
Kenderaan	64
Persekitaran yang berpotensi meletup	64
Keadaan basah atau berdebu	65
Maklumat pensijilan (SAR)	65
Tentang Pengurusan Hak Digital	66
Copyrights and notices	66

1 Perihal panduan pengguna ini



Penting: Untuk mendapatkan maklumat penting tentang penggunaan peranti dan bateri anda secara selamat, baca “Maklumat produk dan keselamatan” sebelum anda menggunakan peranti. Untuk mengetahui cara mula menggunakan peranti baharu anda, baca panduan pengguna.

2 Bermula

PASTIKAN TELEFON ANDA TERKINI


Perisian telefon anda

Pastikan telefon anda terkini dan terima kemas kini perisian yang tersedia bagi mendapatkan ciri baharu dan dipertingkat untuk telefon anda. Prestasi telefon anda boleh ditingkatkan dengan mengemas kini perisiannya.

KEKUNCI DAN BAHAGIAN

Terokai kekunci dan bahagian telefon baharu anda.

Your phone



This user guide applies to following model: TA-1005.


- | | |
|-----------------------|-----------------|
| 1. Fingerprint sensor | 5. Microphone |
| 2. Microphone | 6. Earpiece |
| 3. Main cameras | 7. Front camera |
| 4. Flash | 8. Volume keys |

- | | |
|--|-------------------|
| 9. Power/Lock key | 11. SIM card tray |
| 10. Charger and headset connector (USB Type-C audio output) ¹ | 12. Microphone |
| | 13. Loudspeaker |

Some of the accessories mentioned in this user guide, such as charger, headset, or data cable, may be sold separately.

- ⚠ **Penting:** Skrin dan penutup belakang peranti diperbuat daripada kaca. Kaca ini boleh pecah jika peranti terjatuh di atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kaca pecah, jangan sentuh bahagian kaca peranti tersebut atau cuba mengeluarkan kaca yang pecah daripada peranti. Berhenti menggunakan peranti sehingga kaca digantikan oleh kakitangan perkhidmatan yang dibenarkan.
- ⚠ **Penting:** Anda disyorkan agar menggunakan penutup perlindungan yang disertakan dalam kotak jualan yang melindungi peranti jika terjatuh.

Use the headset adapter



Your phone has a USB Type-C audio output. You can use a regular 3.5mm plug headset with your new phone: just plug the headset in the adapter that came with your phone, and then plug the USB end of the adapter in your phone.

Bahagian dan penyambung, magnet

Jangan sambungkan ke produk yang mencipta isyarat output, kerana ini boleh merosakkan peranti. Jangan sambungkan mana-mana sumber voltan ke penyambung audio. Jika anda


menyambung peranti luaran atau set kepala, selain daripada yang dibenarkan untuk digunakan dengan peranti ini, kepada penyambung audio, beri perhatian yang khusus terhadap tahap kelantangan.

Sebahagian peranti ini adalah bermagnet. Bahan berlogam mungkin akan tertarik kepada peranti. Jangan letakkan kad kredit atau kad jalur magnet yang lain berdekatan dengan peranti untuk tempoh berpanjangan kerana kad mungkin rosak.

¹ Your phone supports only digital audio output.

INSERT OR REMOVE THE SIM CARD

Insert the SIM card



1. To open the SIM card tray, insert the tray opener in the hole next to the tray and push.
2. Put the nano-SIM into the slot located on the tray with the contact area face down.
3. Slide the SIM card tray back into the slot.¹

Remove the SIM card

Open the SIM card tray, remove the card, and slide the tray back to its slot.

¹ Use only original nano-SIM cards. Use of incompatible SIM cards may damage the card or the device, and may corrupt data stored on the card.

CASKAN TELEFON ANDA

Caskan bateri



1. Masukkan palam pengecas yang serasi ke dalam salur keluar dinding.
2. Menyambung kabel ke telefon anda.

Anda boleh mengecas telefon anda menggunakan pengecasan wayarles. Hanya gunakan pengecas yang serasi dengan Qi untuk pengecasan wayarles.

Telefon anda menyokong kabel USB C. Anda juga boleh mengecas telefon anda dengan komputer menggunakan kabel USB, tetapi ini mungkin mengambil masa yang lebih lama.

Jika bateri dinyahcas sepenuhnya, beberapa minit mungkin diperlukan sebelum penunjuk pengecasan dipaparkan.

HIDUPKAN DAN SEDIAKAN TELEFON ANDA

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat kali pertama, telefon anda membimbing anda untuk menyediakan sambungan rangkaian anda dan tetapan telefon.

Hidupkan telefon anda

1. Untuk menghidupkan telefon anda, tekan dan tahan kekunci kuasa sehingga telefon bergetar.
2. Apabila telefon dihidupkan, pilih bahasa dan kawasan anda.
3. Ikut arahan yang ditunjukkan pada telefon anda.

Pindahkan data daripada telefon anda sebelum ini

Anda boleh memindahkan data daripada telefon lama kepada telefon baharu menggunakan akaun Google anda

Untuk menyandarkan data pada telefon lama anda ke akaun Google anda, rujuk panduan pengguna telefon lama anda.

1. Ketik **Tetapan** > **Pengguna & akaun** > **Tambah akaun** > **Google**.
2. Pilih data yang mana yang anda mahu pulihkan pada telefon baharu anda. Penyegerakan akan bermula secara automatik sebaik sahaja telefon anda disambungkan ke internet.

Pulihkan tetapan apl daripada telefon Android™ anda yang sebelum ini

Sekiranya telefon anda sebelum ini adalah Android, dan sandaran ke akaun Google didayakan padanya, anda boleh memulihkan tetapan apl anda dan kata laluan Wi-Fi.

1. Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Sandaran**.
2. Tukar **Sandarkan ke Google Drive** kepada **Dihidupkan**.

MENYEDIAKAN ID CAP JARI

Anda boleh membuka kunci telefon anda dengan hanya sentuhan jari anda. Sediakan ID cap jari anda untuk keselamatan tambahan.

Tambah cap jari

1. Ketik **Tetapan** > **Keselamatan & Lokasi** > **Cap Jari**. Jika anda tidak menyediakan kunci skrin pada telefon anda, ketik **Kunci skrin**.
2. Pilih kaedah membuka kunci sandaran yang anda mahu gunakan untuk skrin kunci dan ikuti arahan yang dipaparkan pada telefon anda.

KUNCI ATAU BUKA KUNCI TELEFON ANDA

Kuncikan telefon anda

Sekiranya anda mahu mengelakkan membuat panggilan secara tidak sengaja apabila telefon anda berada dalam poket atau beg anda, anda boleh mengunci kekunci dan skrin anda.

Untuk mengunci kekunci dan skrin anda, tekan kekunci kuasa.

Buka kunci kekunci dan skrin

Tekan kekunci kuasa dan lungsur merentasi skrin. Jika diminta, berikan perakuan tambahan.

GUNAKAN SKRIN SENTUH

Elakkan menyentuh skrin sentuh dengan peranti elektrik yang lain, menggunakan tekanan yang melampau, atau mengetiknya dengan objek yang tajam.

Paling baik adalah untuk menggunakan jari anda atau aksesori yang khusus - jangan sesekali gunakan pen sebenar, pensil atau objek tajam yang lain pada skrin sentuh.

Membiarkan skrin sentuh hidup dalam masa yang panjang boleh mengakibatkan imej tinggal (gelapan skrin). Kuncikan skrin anda apabila anda tidak menggunakan telefon untuk mengelakkannya.


Paparan telefon anda

Membiarkan skrin telefon pada tahap kecerahan maksimum untuk tempoh yang berpanjangan boleh menyebabkan imej paparan kekal pada skrin walaupun skrin dimatikan atau apabila imej baru muncul pada skrin.

Untuk mengelakkan ini:


- Kuncikan skrin anda apabila anda tidak menggunakan telefon dan tetapkan skrin telefon untuk dimatikan selepas jangka masa pendek. Ketik **Tetapan** > **Paparan** > **Lanjutan** > **Tidur** dan pilih masanya.
- Pastikan telefon anda terkini dan terima kemas kini perisian yang tersedia
- Kurangkan kecerahan skrin: ketik **Tetapan** > **Paparan** > **Tahap kecerahan**. Untuk melaraskan kecerahan, seret gelangsar tahap kecerahan. Pastikan bahawa **Kecerahan adaptif** dinyahdayakan.

Ketik dan tahan untuk menyeret item




Letakkan jari anda pada item selama beberapa saat, dan lungsurkan jari anda merentasi skrin.

Lungsur




Letakkan jari anda pada skrin dan lungsurkan jari anda dalam arah yang anda mahu.

Tatal menerusi senarai yang panjang atau menu



Lungsurkan jari anda dengan cepat dalam pergerakan membalik ke atas atau ke bawah, dan angkat jari anda. Untuk menghentikan penatalan, ketik skrin.

Zum ke dalam atau ke luar




Letakkan 2 jari pada item, seperti peta, foto, atau laman web dan lungsurkan jari anda berjauhan atau bersama.


Kunci arah skrin


Skrin berputar secara automatik apabila anda memusingkan telefon 90 darjah.


Untuk mengunci skrin dalam mod potret, lungsur ke bawah dari atas skrin dan ketik **Auto-putar** untuk menukar kepada **Potret**.

Gunakan kekunci navigasi



Untuk melihat apl yang anda telah buka, ketik kekunci gambaran keseluruhan .

Untuk beralih kepada apl yang lain, ketik apl yang anda mahu. Untuk menutup sesuatu apl, ketik ikon  di sebelahnya.

Untuk kembali ke skrin sebelumnya tempat anda berada, ketik kekunci kembali . Telefon anda ingat semua apl dan laman web yang anda lawati sejak kali terakhir skrin anda dikunci.

Untuk pergi ke skrin utama, ketik kekunci utama . Apl yang anda telah buka kekal terbuka dalam latar belakang.

Buka dua apl sekali gus

Untuk navigasi yang lebih mudah antara apl, tekan dan tahan kekunci  gambaran keseluruhan untuk membahagikan skrin antara dua apl. Untuk kembali ke paparan biasa, tekan dan tahan kekunci  gambaran keseluruhan sekali lagi.

3 Asas

PERIBADIKAN TELEFON ANDA

Ketahui cara untuk memperibadikan skrin Utama dan cara untuk menukar nada dering.

Tukar hias latar anda

Ketik **Tetapan** > **Paparan** > **Hias Latar**.

Tukar nada dering telefon anda

1. Ketik **Tetapan** > **Bunyi**.
2. Ketik **Nada dering Telefon SIM1** atau **Nada dering Telefon SIM2** untuk memilih nada dering untuk SIM masing-masing.

Tukar bunyi pemberitahuan mesej anda

Ketik **Tetapan** > **Bunyi** > **Lanjutan** > **Bunyi pemberitahuan lalai**.

BUKA DAN TUTUP APL

Buka apl

Pada skrin utama, ketik ikon apl untuk membukanya. Untuk membuka salah satu apl yang berjalan dalam latar belakang, ketik dan pilih apl tersebut.

Tutup apl

Ketik dan ketik **×** pada apl yang anda mahu tutup.

Cari apl anda

Pada skrin utama, leret ke atas dari bawah skrin untuk melihat semua apl anda.

Tutup semua apl yang berjalan

Tekan , lungsur ke atas menerusi semua apl dan ketik **KOSONGKAN SEMUA**.

PEMBERITAHUAN

Terus berhubung dengan apa yang berlaku pada telefon anda dengan pemberitahuan.

Gunakan panel pemberitahuan

Apabila anda menerima pemberitahuan yang baharu, seperti mesej atau panggilan terlepas, ikon penunjuk muncul pada bar status pada bahagian atas skrin. Untuk melihat maklumat lanjut mengenai pemberitahuan, seret bar status ke bawah. Untuk menutup pandangan ini, leret ke atas pada skrin.


Untuk membuka panel pemberitahuan, seret bar status ke bawah. Untuk menutup panel pemberitahuan, leret ke atas pada skrin.

Untuk menukar tetapan pemberitahuan pada apl, ketik **Tetapan** > **Apl & pemberitahuan** > **Pemberitahuan** > **Pemberitahuan apl** dan ketik nama apl untuk membuka tetapan apl. Anda boleh mematikan atau menghidupkan pemberitahuan bagi setiap apl secara individu. Untuk melihat apl yang tidak dibenarkan untuk menghantar pemberitahuan, ketik **Semua apl** > **Apl: Dimatikan**.



Petua: Untuk melihat titik pemberitahuan, ketik **Tetapan** > **Apl & pemberitahuan** > **Pemberitahuan** dan tukar **Benarkan titik pemberitahuan** kepada hidup. Titik kecil akan muncul pada ikon apl, jika anda ada pemberitahuan, tetapi belum membukannya lagi. Untuk melihat pilihan yang tersedia, ketik dan tahan ikon. Anda boleh mengetik pemberitahuan untuk membukannya, atau leret untuk mengabaikannya.

Gunakan ikon tetapan pantas



Untuk mengaktifkan ciri, ketik ikon tetapan pantas pada panel pemberitahuan. Untuk melihat lebih banyak ikon, seret menu ke bawah.

Untuk mengatur semula ikon, ketik , ketik dan tahan ikon dan kemudian seretkannya ke lokasi yang lain.

KAWAL KELANTANGAN

Ubah kelantangan

Jika anda mempunyai masalah mendengar telefon anda berdering dalam persekitaran yang bising, atau panggilan terlalu kuat, anda boleh mengubah kelantangan mengikut kesukaan anda dengan menggunakan kekunci kelantangan di sebelah telefon anda.

Jangan sambungkan ke produk yang mencipta isyarat output, kerana ini boleh merosakkan peranti. Jangan sambungkan mana-mana sumber voltan ke penyambung audio. Jika anda menyambung peranti luaran atau set kepala, selain daripada yang dibenarkan untuk digunakan dengan peranti ini, kepada penyambung audio, beri perhatian yang khusus terhadap tahap kelantangan.

Ubah kelantangan untuk media dan apl

Tekan kekunci kelantangan di sebelah telefon anda untuk melihat bar status kelantangan, ketik \vee , dan seret pelungsur pada bar kelantangan untuk media dan apl di sebelah kiri atau kanan.

Tetapkan telefon kepada senyap

Untuk menetapkan telefon kepada senyap, tekan dan tahan kekunci kelantangan ke bawah, kemudian tekan kekunci sekali lagi. Tekanan pertama menetapkan telefon kepada getar sahaja, dan tekanan kedua menetapkannya kepada senyap.



Petua: Tidak mahu membiarkan telefon anda dalam mod senyap, tetapi tidak boleh menjawab sekarang? Untuk menyenyapkan panggilan masuk, tekan kekunci kelantangan turun. Anda juga boleh menetapkan telefon anda untuk membisukan nada dering apabila telefon diangkat: ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Gestur** > **Senyapkan apabila diangkat**, dan hidapkan. Jika anda ingin menolak panggilan masuk dengan menterbalikkan telefon, ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Gestur** > **Pusing untuk menolak panggilan**, dan hidapkan.

TANGKAPAN SKRIN

Ambil tangkapan skrin

Untuk mengambil tangkapan skrin, buka panel pemberitahuan dan seret bar status ke bawah. Ketik **Tangkapan skrin**. Anda boleh melihat imej yang ditangkap dalam **Foto**.

Tidak mungkin untuk mendapatkan tangkapan skrin ketika menggunakan beberapa apl dan ciri.

HAYAT BATERI

Gunakan sepenuhnya telefon anda disamping mendapatkan hayat bateri anda yang diperlukan. Terdapat langkah-langkah yang anda boleh ambil untuk menjimatkan kuasa pada telefon anda.

Panjangkan hayat bateri

Untuk menjimatkan kuasa:

1. Sentiasa cas bateri sepenuhnya.
2. Bisukan bunyi yang tidak diperlukan, seperti bunyi sentuh. Ketik **Tetapan > Bunyi > Lanjutan** dan di bawah **Bunyi dan getaran lain**, pilih bunyi yang ingin disimpan.
3. Gunakan fon kepala yang berwayar, dan bukan pembesar suara.
4. Tetapkan skrin telefon untuk dimatikan selepas masa yang singkat. Ketik **Tetapan > Paparan > Lanjutan > Tidur** dan pilih masanya.
5. Ketik **Tetapan > Paparan > Tahap kecerahan**. Untuk melaraskan kecerahan, seret gelangsar tahap kecerahan. Pastikan bahawa **Kecerahan adaptif** dinyahdayakan.
6. Hentikan apl daripada berjalan dalam latar belakang: ketik , dan tutup apl yang anda tidak perlukan.
7. Dayakan Pengurus aktiviti latar belakang. Pemberitahuan sesetengah aplikasi atau e-mel mungkin tidak dapat diambil dengan segera. Anda boleh mengurus hayat bateri dengan menambahkan atau mengeluarkan aplikasi ke atau daripada senarai putih. Ketik **Tetapan > Bateri > Pengurus aktiviti latar belakang**.
8. Hidupkan penjimat kuasa: ketik **Tetapan > Bateri > Penjimat bateri** dan tukar kepada **Hidup**.
9. Guna perkhidmatan lokasi mengikut pilihan: Matikan perkhidmatan lokasi apabila anda tidak memerlukannya. Ketik **Tetapan > Keselamatan & lokasi > Lokasi**, dan tukar kepada **Dimatikan**.
10. Gunakan sambungan rangkaian secara pilihan: hidupkan Bluetooth hanya apabila diperlukan. Gunakan sambungan Wi-Fi untuk menyambung ke internet, dan bukan sambungan data mudah alih. Hentikan telefon anda daripada mengimbas rangkaian wayarles yang ada. Ketik **Tetapan > Rangkaian & Internet > Wi-Fi**, dan tukar kepada **Dimatikan**. Jika anda mendengar muzik atau sebaliknya menggunakan telefon anda, tetapi tidak mahu membuat atau menerima panggilan, hidupkan mod kapal terbang. Ketik **Tetapan > Rangkaian & Internet > Mod Kapal terbang**.

Mod Kapal terbang menutup sambungan ke rangkaian mudah alih dan menyahaktifkan ciri wayarles peranti anda.

MENJIMATKAN KOS PERAYAUAN DATA

Anda boleh memotong kos perayauan data dan menjimatkan bil telefon anda dengan menukar tetapan data mudah alih. Untuk menggunakan kaedah sambungan yang optimum, ubah tetapan Wi-Fi dan rangkaian mudah alih.


Perayauan data bermaksud menggunakan telefon anda untuk menerima data melalui rangkaian yang pembekal khidmat rangkaian anda tidak miliki atau beroperasi. Menyambung ke internet ketika dalam perayauan, terutamanya ketika di luar negara, boleh meningkatkan kos data dengan banyak.

Menggunakan sambungan Wi-Fi biasanya lebih cepat dan kurang mahal daripada menggunakan sambungan data mudah alih. Sekiranya kedua-dua sambungan Wi-Fi dan mudah alih tersedia, telefon anda menggunakan sambungan Wi-Fi.

Sambungkan ke rangkaian Wi-Fi

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Wi-Fi**.
2. Pastikan rangkaian Wi-Fi ditukarkan kepada **Hidup**.
3. Pilih sambungan yang anda mahu guna.

Tutup sambungan data mudah alih

Lungsur ke bawah dari atas skrin, ketik  **Data mudah alih** dan matikan **Data mudah alih**.



Petua: Untuk mengikuti penggunaan data anda, ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Penggunaan data**.

Hentikan perayauan data

Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Rangkaian mudah alih**, dan matikan **Perayauan**.

TULIS TEKS

Ketahui cara untuk menulis teks dengan cepat dan dengan berkesan menggunakan papan kekunci telefon anda.

Gunakan papan kekunci pada skrin

Menulis dengan papan kekunci pada skrin adalah mudah. Anda boleh menggunakan papan kekunci apabila menggunakan telefon anda dalam mod potret atau landskap. Bentangan papan kekunci boleh berbeza dalam apl dan bahasa yang berbeza.

Untuk membuka papan kekunci pada skrin, ketik kotak teks.

Tukar antara aksara huruf besar dan huruf kecil

Ketik kekunci anjak. Untuk menghidupkan mod kunci huruf besar, ketik dua kali kekunci. Untuk kembali ke mod biasa, ketik kekunci anjak sekali lagi.

Taipkan nombor atau aksara yang khas

Ketik kekunci nombor dan simbol. Sesetengah kekunci aksara khas mengeluarkan lebih banyak symbol. Untuk melihat lebih banyak simbol, ketik dan tahan simbol atau aksara yang khas.

Masukkan emoji

Ketik kekunci emoji dan pilih emoji.

Salin atau tampal teks

Ketik dan tahan perkataan, seret penanda sebelum dan selepas perkataan untuk menyerlahkan bahagian yang anda mahu salin, dan ketik **SALIN**. Untuk menampal teks, ketik tempat yang anda mahu tampalkan teks dan pilih **TAMPAL**.

Tambah tanda aksen kepada aksara

Ketik dan tahan aksara dan ketik tanda akses atau aksara yang beraksen, jika disokong oleh papan kekunci anda.

Padam aksara

Ketik kekunci undur ruang.

Gerakkan kursor

Untuk mengedit perkataan yang anda baru sahaja tulis, ketik perkataan dan seretkan kursor ke tempat yang anda mahu.

Gunakan cadangan perkataan papan kekunci

Telefon anda mencadangkan perkataan ketika anda menulis, untuk membantu anda menulis dengan cepat dan lebih tepat. Cadangan perkataan mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa.

Apabila anda mula menulis perkataan, telefon anda mencadangkan perkataan yang mungkin. Apabila perkataan yang anda mahu ditunjukkan dalam bar cadangan, pilih perkataan tersebut. Untuk melihat lebih banyak cadangan, ketik dan tahan cadangan.

Petua: Jika perkataan yang dicadangkan ditandakan dengan huruf tebal, telefon anda menggunakannya secara automatik untuk menggantikan perkataan yang anda tulis. Sekiranya perkataan tersebut salah, ketik dan tahan perkataan itu untuk melihat beberapa cadangan lain.



Jika anda tidak mahu papan kekunci mencadangkan perkataan semasa menaip, matikan pembetulan teks. Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Bahasa & input** > **Papan kekunci maya**. Pilih papan kekunci yang biasa anda gunakan. Ketik **Pembetulan teks** dan matikan kaedah pembetulan teks yang anda tidak mahu gunakan.

Betulan perkataan

Jika anda perhatikan bahawa anda telah mengeja perkataan dengan salah, ketik perkataan untuk melihat cadangan untuk membetulkan perkataan tersebut.

Matikan penyemak ejaan

Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Bahasa & input** > **Lanjutan** > **Penyemak ejaan**, dan tukarkan **Penyemak ejaan** kepada **Dimatikan**.

TARIKH DAN MASA

Mengawasi masa – ketahui cara untuk menggunakan telefon anda sebagai jam, serta jam loceng dan cara untuk memastikan temu janji, tugas dan jadual anda dikemas kini.

Tetapkan tarikh dan masa

Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Tarikh & masa**.

Kemas kini masa dan tarikh secara automatik

Anda boleh menetapkan telefon anda kepada kemas kini masa, tarikh dan zon masa secara automatik. Kemas kini automatik adalah perkhidmatan rangkaian dan mungkin tidak tersedia bergantung pada rantau atau pembekal khidmat rangkaian anda.

1. Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Tarikh & masa**.
2. Hidupkan **Tarikh & masa automatik**.
3. Hidupkan **Zon waktu automatik**.

Tukar jam kepada format 24-jam


Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Tarikh & masa** dan hidupkan **Guna format 24-jam**.

JAM DAN PENGGERA

Jam anda bukan hanya untuk penggera – ketahui apa lagi yang boleh anda lakukan.

Gunakan pemasa hitung mundur

Tiada lagi terlebih memasak – gunakan pemasa hitung undur untuk mengukur masa memasak anda.

1. Ketik **Jam** >  **PEMASA**.
2. Tetapkan tempoh pemasa.



Guna jam randik

Gunakan jam randik untuk melihat sejauh mana peningkatan anda di balapan.


Ketik **Jam** >  **JAM RANDIK**.

Tetapkan penggera

Anda boleh menggunakan telefon anda sebagai jam loceng.

1. Ketik **Jam** >  **PENGGERA**.
2. Untuk menambah penggera, ketik .
3. Untuk mengubah suai penggera, ketik padanya. Untuk menetapkan penggera untuk mengulang pada tarikh yang tertentu, tandakan **Ulang** dan serlahkan hari-hari dalam minggu tersebut.



Tidurkn penggera

Jika anda belum mahu bangun, leretkan penggera ke kiri, apabila penggera berbunyi. Untuk melaraskan panjang tidur, ketik **Jam** >  > **Tetapan** > **Panjang tidur** dan pilih panjang mengikut kesukaan anda.

Matikan penggera

Apabila penggera berbunyi, leretkan penggera ke kanan.

Padam penggera

Ketik **Jam** >  **PENGGERA**. Pilih penggera, dan ketik  **Padam**.

KALKULATOR

Lupakan kalkulator saku anda – terdapat kalkulator dalam telefon anda.

Guna kalkulator

Ketik **Kalkulator**.

Untuk menggunakan kalkulator lanjutan, leret bar dari pinggir kanan skrin ke kiri.

KEBOLEHCAPAIAN

Anda boleh mengubah pelbagai tetapan untuk menjadikan penggunaan telefon anda lebih mudah.

Meningkatkan atau mengurangkan saiz fon

Adakah anda mahu memiliki fon yang lebih besar pada telefon anda?

1. Ketik **Tetapan** > **Kebolehcapaian**.
2. Ketik **Saiz fon**. Untuk meningkatkan atau mengurangkan saiz fon, seret pelungsur tahap saiz fon.

Meningkatkan atau mengurangkan saiz paparan




Adakah anda mahu membuat item pada skrin anda lebih kecil atau lebih besar?

1. Ketik **Tetapan** > **Kebolehcapaian**.
2. Ketik **Saiz paparan** dan untuk melaraskan saiz paparan, seret pelungsur tahap saiz paparan.

4 Sambungkan dengan rakan dan keluarga anda

PANGGILAN

Buat panggilan

1. Ketik .
2. Taipkan nombor atau ketik  dan pilih kenalan yang anda mahu hubungi.
3. Ketik . Sekiranya anda mempunyai SIM kedua yang dimasukkan, ketik ikon yang sepadan untuk membuat panggilan daripada SIM yang tertentu.

Jawab panggilan

Apabila telefon berdering, leret ke atas untuk menjawab.



Petua: Tidak mahu membiarkan telefon anda dalam mod senyap, tetapi tidak boleh menjawab sekarang? Untuk menyenyapkan panggilan masuk, tekan kekunci kelantangan turun. Anda juga boleh menetapkan telefon anda untuk membisukan nada dering apabila telefon diangkat: ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Gestur** > **Senyapkan apabila diangkat**, dan hidupkan.

Jika anda ingin menolak panggilan masuk dengan menterbalikkan telefon, ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Gestur** > **Pusing untuk menolak panggilan**, dan hidupkan.


Tolak panggilan

Untuk menolak panggilan, lungsur ke bawah.


KENALAN

Simpan dan atur nombor telefon rakan dan ahli keluarga anda.


Simpan kenalan daripada sejarah panggilan

1. Dalam **Telefon**, ketik  untuk melihat sejarah panggilan.
2. Ketik nombor yang anda mahu simpan.
3. Pilih jika anda mahu **Cipta kenalan baharu** atau **Tambah pada kenalan**.
4. Taipkan dalam maklumat kenalan dan ketik **Simpan**.


Tambah kenalan

1. Ketik **Kenalan** > .
2. Isikan maklumat.
3. Ketik **Simpan**.


Edit kenalan

1. Ketik **Kenalan** dan ketik kenalan yang anda mahu edit.
2. Ketik .
3. Edit maklumat.
4. Ketik **Simpan**.


Cari kenalan

1. Ketik **Kenalan**.
2. Ketik .

Tapis senarai kenalan anda

1. Ketik **Kenalan**.
2. Ketik .
3. Ketik **Tetapan** > **Kenalan untuk dipaparkan**.

Import atau eksport kenalan

1. Ketik **Kenalan**.
2. Ketik .
3. Ketik **Tetapan** > **Import/eksport**.

HANTAR DAN TERIMA MESEJ

Teruskan berhubung dengan rakan dan ahli keluarga anda melalui mesej teks.

Hantar mesej

1. Ketik **Mesej**.
nama mereka dan ketik kenalan.
2. Ketik **+**.
3. Untuk menambah penerima, taipkan nombor mereka dalam kotak penerima. Untuk menambah kenalan, mula menaip
4. Selepas memilih semua penerima, ketik ✓.
5. Tuliskan mesej anda dalam kotak teks.
6. Ketik **➤**.



Petua: Jika anda mahu menghantar foto dalam mesej, ketik **Foto**, ketik foto yang anda mahu berkongsi, dan ketik **↩**. Pilih **Mesej**.

Baca mesej

1. Ketik **Mesej**.
2. Ketik mesej yang anda mahu baca. Anda juga boleh membaca mesej daripada panel pemberitahuan. Lungsur ke bawah dari atas skrin dan ketik mesej.

Balas mesej

1. Ketik **Mesej**.
2. Ketik mesej yang anda mahu balas.
3. Tuliskan balasan anda dalam kotak teks di bawah mesej dan ketik **➤**.

MEL

Anda boleh menggunakan telefon anda untuk membaca dan membalas mel apabila anda sedang dalam perjalanan.

Tambahkan akaun mel

Apabila anda menggunakan apl Gmail buat kali pertama, anda diminta untuk menyediakan akaun e-mel anda.

1. Ketik **Gmail**.
2. Anda boleh memilih alamat yang disambungkan dengan akaun Google atau ketik **Tambah alamat e-mel**.
3. Selepas menambah semua akaun, ketik **BAWA SAYA KE GMAIL**.

Padam akaun mel

1. Ketik **Tetapan**.
2. Ketik **Akaun**.
3. Ketik akaun yang anda mahu padam dan **:** > **Keluarkan akaun**.

Hantar mel

1. Ketik **Gmail**.
2. Ketik ✎.
3. Dalam kotak **Kepada**, taipkan alamat atau
- ketik **:** > **Tambah daripada Kenalan**.
4. Taipkan subjek mesej dan mel.
5. Ketik ➤.

Baca dan balas mel

1. Ketik **Gmail**.
2. Ketik mesej yang anda mahu baca.
3. Untuk membalas mesej, ketik ↩, atau ketik **:** > **Balas semua**.

Padam mel

1. Ketik **Gmail**.
2. Ketik mesej yang anda mahu padam dan ketik **■**.
3. Untuk memadam berbilang mesej, ketik bulatan dengan parap penerima untuk memilih mesej dan ketik **■**.

MARI BERSOSIAL

Mahu berhubung dan berkongsi perkara dengan orang dalam kehidupan anda? Dengan apl sosial, anda boleh mengetahui apa sedang berlaku dengan rakan anda.

Apl sosial

Untuk terus berhubung dengan rakan dan keluarga anda, daftar masuk ke perkhidmatan pemesejan segera, perkongsian dan rangkaian sosial anda. Pilih perkhidmatan yang anda mahu gunakan daripada skrin Utama anda. Apl sosial tersedia dalam **Google Play Store**. Perkhidmatan yang tersedia mungkin berbeza.

5 Kamera

ASAS KAMERA

Mengapa bawa kamera yang berasingan jika telefon anda memiliki semua yang anda perlukan untuk mengabadikan memori? Dengan kamera telefon anda, anda boleh mengambil gambar atau merakam video dengan mudah.


Ambil foto

Tangkap foto yang tajam dan terang – abadikan detik yang terindah dalam album foto anda.

1. Ketik **Kamera**.
2. Sasarkan dan fokus.
3. Ketik **O**.





Ambil swafoto

Perlukan swafoto yang sempurna? Guna kamera depan telefon untuk menangkap foto.

1. Ketik **Kamera**.
2. Ketik  untuk beralih ke kamera depan.
3. Sasarkan dan fokus.
4. Ketik **O**.

Ambil swafoto berdua

Selain swafoto yang sempurna, anda boleh mengambil foto skrin terbahagi dengan kamera telefon anda. Guna kedua-dua kamera depan dan belakang secara serentak.

1. Ketik **Kamera** dan ketik .
2. Ketik  **Dwi** untuk foto skrin terbahagi. Atau, ambil foto gambar-dalam-gambar, ketik .
3. Sasarkan dan fokus.
4. Ketik **O**.
5. Untuk kembali ke mod skrin penuh, ketik  **Tunggal**.




Petua: Apabila anda mengambil foto gambar-dalam-gambar atau merakam video gambar-dalam-gambar dan ingin mengubah gambar yang lebih kecil tersebut, ketik dan tahannya dan seret ke tempat yang anda kehendaki.

Ambil panorama


Ketik **Kamera** ≡  **Panorama** dan ikuti arahan pada telefon anda.




RECORD A VIDEO

Use the full 360° surround system





With your phone camera, you can easily record videos with a full 360° surround sound. Tap **Camera**. To switch to the video recording mode, swipe to left.

Your phone has three microphones that are used by OZO Audio technology to record and process audio spatially. In the video recording mode, to change the way audio is recorded, tap .

1. To clearly record what is in front of you, while silencing audio coming from behind, tap  **Front**. Use this setting when you, for example, interview someone.
2. To clearly record your own voice or audio coming from behind you, while silencing audio coming in front, tap  **Rear**.
3. To record audio naturally from all directions, tap  **Surround**.





To optimize the audio quality for your videos, do not cover any of the small microphone holes of your phone while recording a video. To record the a full 360° degrees surround sound, keep the phone in a horizontal position, and hold it by the long edges.

Rakam video

1. Ketik **Kamera**.
2. Untuk menukar mod rakaman video, leret ke kiri.
3. Ketik  **Video** untuk mula merakam.
4. Untuk berhenti merakam, ketik .
5. Untuk kembali ke mod kamera, leret ke kanan.

Rakam swavideo berdua



Anda boleh merakam video skrin terbahagi dengan telefon anda. Guna kedua-dua kamera depan dan belakang secara serentak.

1. Ketik **Kamera**.
2. Untuk menukar mod rakaman video, leret ke kiri. Ketik .
3. Ketik  **Dwi** untuk video skrin terbahagi. Atau, untuk merakam video gambar-dalam-gambar, ketik  **P-I-P**.
4. Ketik  untuk mula merakam.


GUNA KAMERA ANDA SEPERTI PROFESIONAL

Guna mod berbeza dalam kamera anda untuk meningkatkan kualiti foto anda.

Ketahui tentang tetapan kamera anda

Dalam apl Kamera, ketik  >  **Tetapan** untuk mengetahui lebih lanjut tentang setiap tetapan.

Guna kamera dalam mod manual

Dengan mod manual, anda boleh mengambil foto dekat, sudut lebar, menukar tetapan ISO kamera anda, dan melaras AWB (Imbangan Putih Automatik). Untuk mencuba mod manual, ketik **Kamera**   **Pro**.


Gunakan mod Bokeh Langsung

Jika anda ingin menukar ruang fokus foto anda selepas anda mengambil gambar, guna mod Live Bokeh sewaktu mengambil foto.




1. Ketik **Kamera**.
2. Ketik ≡ > **Live Bokeh**.
3. Tetapkan sasaran dan fokus. Ketik ○ **Live Bokeh**.
4. Ketik foto yang anda baru tangkap, di penjuru kanan bawah paparan.
5. Ketik **Editor Bokeh** untuk mengedit foto anda.

Ambil foto dengan pemasa

Ingin menjadi sebahagian daripada foto yang anda tangkap? Cuba pemasa.

1. Ketik **Kamera**.
2. Ketik . Butang menunjukkan tetapan pemasa. Untuk menukarnya, ketik sekali lagi.
3. Pilih tempoh pemasa.
4. Ketik ○ **Foto**.

Rakam video gerak perlahan

1. Untuk menukar mod rakaman video, leret ke kiri.
2. Ketik ≡.
3. Ketik  **Gerak Perlahan**.
4. Ketik  **Gerak Perlahan** untuk mula merakam.
5. Untuk berhenti merakam, ketik .

Ambil foto yang berkualiti tinggi


Dalam apl Kamera, ketik ≡ >  **Tetapan** > **Resolusi**, dan tetapkan resolusi yang anda kehendaki.

FOTO DAN VIDEO ANDA

Lihat foto dan video pada telefon anda

Mahu menghidupkan semula detik yang penting ini? Lihat foto dan video pada telefon anda.

Ketik **Foto**.

Salin foto dan video anda ke komputer anda


Adakah anda mahu melihat foto atau video anda pada skrin yang lebih besar? Alihkannya ke komputer anda.

Anda boleh menggunakan pengurus fail komputer anda untuk menyalin atau mengalih foto dan video anda ke komputer.

Menyambung telefon anda ke komputer dengan kabel USB yang serasi. Untuk menetapkan jenis sambungan USB, buka panel pemberitahuan dan ketik pemberitahuan USB.

Kongsi foto dan video anda

Anda boleh berkongsi foto dan video anda dengan cepat dan mudah untuk rakan dan keluarga anda melihat.

1. Dalam **Foto**, ketik foto yang anda mahu kongsi dan ketik .
2. Pilih cara yang anda mahu untuk berkongsi foto atau video.


6 Internet dan sambungan

AKTIFKAN WI-FI

Menggunakan sambungan Wi-Fi biasanya lebih cepat dan kurang mahal daripada menggunakan sambungan data mudah alih. Sekiranya kedua-dua sambungan Wi-Fi dan mudah alih tersedia, telefon anda menggunakan sambungan Wi-Fi.

Hidupkan Wi-Fi

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Wi-Fi**.
2. Tukarkan Wi-Fi kepada **Dihidupkan**.
3. Pilih sambungan yang anda mahu guna.

Sambungan Wi-Fi anda aktif apabila  ditunjukkan pada bar status di sebelah atas skrin.

Penting: Gunakan penyulitan untuk meningkatkan keselamatan sambungan Wi-Fi anda. Menggunakan penyulitan mengurangkan risiko orang lain mengakses data anda.




Petua: Jika anda mahu mengesan lokasi apabila isyarat satelit tidak tersedia, sebagai contoh apabila anda berada dalam bangunan atau antara bangunan tinggi, hidupkan Wi-Fi untuk meningkatkan ketepatan kedudukan.

¹ Perhatian: Menggunakan Wi-Fi mungkin terhad dalam sesetengah negara. Sebagai contoh, di EU, anda hanya dibenarkan untuk menggunakan 5150–5350 MHz Wi-Fi di dalam bangunan dan di AS dan Kanada, anda hanya dibenarkan untuk menggunakan 5.15–5.25 GHz Wi-Fi di dalam bangunan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pihak berkuasa tempatan anda.

Penting: Gunakan penyulitan untuk meningkatkan keselamatan sambungan Wi-Fi anda. Menggunakan penyulitan mengurangkan risiko orang lain mengakses data anda.

GUNAKAN SAMBUNGAN DATA MUDAH ALIH

Tutup sambungan data mudah alih

Lungsur ke bawah dari atas skrin, ketik  **Data mudah alih** dan matikan **Data mudah alih**.

Hidupkan sambungan data mudah alih

Leret ke bawah dari bahagian atas skrin, ketik **Data mudah alih** dan hidupkan **Data mudah alih**.

Guna sambungan data mudah alih ketika melakukan perayauan

Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Rangkaian mudah alih** dan tukarkan **Perayauan** kepada **Hidup**.¹



Petua: Untuk mengikuti penggunaan data anda, ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Penggunaan data**.

¹ Menyambung ke internet ketika dalam perayauan, terutamanya ketika di luar negara, boleh meningkatkan kos data dengan banyak.

LAYARI WEB

Gunakan telefon anda untuk menyambung komputer anda ke web

Mudah untuk menggunakan internet pada komputer riba anda dalam perjalanan. Jadikan telefon anda hotspot Wi-Fi dan gunakan sambungan data mudah alih anda untuk mengakses internet dengan komputer riba anda atau peranti yang lain.

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Hotspot & Penambatan**.
2. Hidupkan **hotspot Wi-Fi** untuk berkongsi sambungan data mudah alih anda melalui Wi-Fi, **penambatan USB** untuk menggunakan sambungan USB atau **penambatan Bluetooth** untuk menggunakan Bluetooth.

Peranti yang lain menggunakan data daripada pelan data anda, yang mungkin mengakibatkan kos trafik data. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang ketersediaan dan kos, hubungi pembekal khidmat rangkaian anda.

Mulakan pelayaran

Tiada keperluan untuk komputer – anda boleh dengan mudah melayari internet pada telefon anda. Ketahui berita terkini dan lawati laman web kegemaran anda. Anda boleh menggunakan pelayar pada telefon anda untuk melihat halaman web pada internet.

1. Ketik **Chrome**.
2. Taipkan alamat web dan ketik →.




Petua: Sekiranya pembekal khidmat rangkaian anda tidak mengecas anda bayaran tetap untuk pemindahan data, untuk menjimatkan kos data, gunakan rangkaian Wi-Fi untuk menyambung kepada internet.

Buka tab yang baharu

Apabila anda mahu melawat beberapa laman web pada masa yang sama, anda boleh membuka tab pelayar yang baharu dan menukar antaranya.

Dalam Chrome.

1. Ketik kotak di sebelah bar alamat.
2. Ketik .


Beralih antara tab

Dalam Chrome.

1. Ketik kotak di sebelah bar alamat.
2. Ketik tab yang anda mahu.

Tutup tab


Dalam Chrome.

1. Ketik kotak di sebelah bar alamat.
2. Ketik  pada tab yang anda mahu tutup.

Cari di web

Terokai web dan dunia luar dengan Carian Google. Anda boleh menggunakan papan kekunci untuk menulis perkataan carian anda.

Dalam Chrome,

1. Ketik bar carian.
2. Tuliskan perkataan carian anda dalam kotak carian.
3. Ketik .

Anda juga boleh memilih perkataan carian daripada padanan yang disyorkan.

Gunakan pelan data anda dengan berkesan

Jika anda bimbang tentang kos penggunaan data anda, telefon anda membantu anda untuk mencegah sesetengah apl daripada menghantar atau menerima data apabila berjalan dalam latar belakang.

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Penggunaan data** > **Penjimat data**.
2. Tukar **Penjimat data** kepada **Dihidupkan**.

TUTUP SMBUNGAN

Tutup sambungan internet

Jimatkan bateri anda dengan menutup sambungan internet yang dibuka dalam latar belakang. Anda boleh melakukannya tanpa menutup mana-mana apl.

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **Wi-Fi**.
2. Tukarkan **Wi-Fi** kepada **Dimatikan**.

Tutup sambungan data mudah alih

Lungsur ke bawah dari atas skrin, ketik **Data mudah alih** dan matikan **Data mudah alih**.

Hidupkan mod kapal terbang

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet**.
2. Hidupkan **Mod kapal terbang**.

Mod Kapal terbang menutup sambungan ke rangkaian mudah alih dan menyahaktifkan ciri wayarles peranti anda. Patuhi arahan dan keperluan keselamatan yang diberikan oleh, contohnya, penerbangan dan apa-apa undang-undang serta peraturan yang berkenaan. Apabila dibenarkan, anda boleh bersambung ke rangkaian Wi-Fi untuk, contohnya, melayari internet atau mengaktifkan perkongsian Bluetooth dalam mod kapal terbang.

BLUETOOTH®

Anda boleh bersambung secara tanpa wayar ke peranti serasi yang lain, seperti telefon, komputer, set kepala dan kit kereta. Anda juga boleh menghantar foto anda ke telefon yang serasi atau komputer anda.

Sambung ke aksesori Bluetooth

Anda boleh menyambungkan telefon anda dengan banyak peranti Bluetooth yang berguna. Sebagai contoh, dengan set kepala wayarles (dijual berasingan), anda boleh bercakap pada telefon bebas tangan – anda boleh meneruskan apa yang anda lakukan, seperti bekerja di komputer anda, semasa panggilan. Bersambung telefon ke peranti Bluetooth dipanggil berpasangan.

1. Ketik **Tetapan** > **Peranti tersambung** > **Bluetooth**.
2. Tukarkan **Bluetooth** kepada **Hidup**.
3. Pastikan peranti yang lain dihidupkan. Anda mungkin perlu memulakan proses berpasangan daripada peranti yang lain. Untuk mendapatkan butiran, lihat panduan pengguna untuk peranti lain.
4. Untuk telefon anda berpasangan dengan peranti, ketik peranti pada senarai peranti Bluetooth yang ditemui.
5. Anda mungkin perlu menaipkan kod laluan. Untuk mendapatkan butiran, lihat panduan pengguna untuk peranti lain.


Memandangkan peranti dengan teknologi tanpa wayar Bluetooth berkomunikasi menggunakan gelombang radio, peranti ini tidak perlu berada dalam arah yang boleh dilihat secara langsung. Peranti Bluetooth mesti, walau bagaimanapun, dalam lingkungan 10 meter (33 kaki) daripada satu sama lain, walaupun sambungan mungkin tertakluk kepada gangguan daripada halangan seperti dinding atau peranti elektronik yang lain.

Peranti yang berpasangan boleh menyambung ke telefon anda apabila Bluetooth dihidupkan. Peranti lain boleh mengesan telefon anda hanya jika paparan tetapan Bluetooth dibuka.

Jangan berpasangan dengan atau menerima permintaan sambungan daripada peranti yang tidak diketahui. Ini membantu untuk melindungi telefon anda daripada kandungan yang berbahaya.

Keluarkan pasangan

Jika anda tidak lagi memiliki peranti yang telefon anda berpasangan, anda boleh mengeluarkan pasangan tersebut.

1. Ketik **Tetapan** > **Peranti tersambung** > **Bluetooth**.
2. Ketik  di sebelah nama peranti.
3. Ketik **LUPAKAN**.

Sambung ke telefon rakan anda menggunakan Bluetooth.

Anda boleh menggunakan Bluetooth untuk bersambung secara wayarles ke telefon rakan anda, untuk berkongsi foto dan banyak lagi.


1. Ketik **Tetapan** > **Peranti tersambung** > **Bluetooth**.
2. Pastikan Bluetooth dihidupkan pada kedua-dua telefon.
3. Pastikan kedua-dua telefon boleh dilihat oleh satu sama lain. Anda perlu berada dalam paparan tetapan Bluetooth untuk telefon anda boleh dilihat oleh telefon yang lain.
4. Anda boleh melihat telefon Bluetooth yang berada dalam lingkungan. Ketik telefon yang anda mahu menyambung kepada.
5. Jika telefon yang lain memerlukan kod laluan, taipkan atau terima kod laluan dan ketik **Berpasangan**.

Kod laluan ini digunakan hanya apabila anda menyambung kepada sesuatu untuk kali pertama.

Hantarkan kandungan anda menggunakan Bluetooth

Apabila anda mahu berkongsi kandungan anda atau menghantar foto yang anda ambil kepada rakan, gunakan Bluetooth untuk menghantarnya ke peranti yang serasi.

Anda boleh menggunakan lebih daripada satu sambungan Bluetooth pada satu-satu masa. Sebagai contoh, ketika menggunakan set kepala Bluetooth, anda masih boleh menghantar sesuatu ke peranti yang lain.

1. Ketik **Tetapan** > **Peranti tersambung** > **Bluetooth**.
2. Tukarkan **Bluetooth** kepada **Hidup**.
3. Pergi ke kandungan yang anda mahu hantar dan ketik  > **Bluetooth**.
4. Ketik peranti untuk disambungkan. Anda boleh melihat peranti Bluetooth yang berada dalam lingkungan.
5. Jika peranti yang lain memerlukan kod laluan, taipkan atau terima kod laluan dan ketik **Berpasangan**. Kod laluan, yang anda boleh adakan, mesti ditaipkan dalam kedua-dua peranti. Kod laluan dalam beberapa peranti telah dibetulkan. Untuk mendapatkan butiran, lihat panduan pengguna peranti yang lain.

Lokasi fail yang diterima bergantung kepada peranti yang lain. Untuk mendapatkan butiran, lihat panduan pengguna untuk peranti lain.

NFC

Terokai dunia di sekeliling anda. Jika telefon anda menyokong Komunikasi Medan Dekat (NFC), anda boleh mengetik aksesori untuk bersambung kepadanya dan mengetik teg untuk menghubungi seseorang atau membuka tapak web.

Bermula dengan NFC

Tukar pada ciri NFC dalam telefon anda dan mula mengetik untuk berkongsi perkara atau menyambung peranti. Untuk melihat sama ada telefon anda menyokong NFC, ketik **Tetapan** > **Peranti tersambung**.

Dengan NFC, anda boleh:

- Menyambung ke aksesori Bluetooth yang serasi yang menyokong NFC, seperti set kepala atau pembesar suara wayarles
- Ketik teg untuk mendapatkan lebih banyak kandungan untuk telefon anda, atau untuk mengakses perkhidmatan dalam talian
- Bayar dengan telefon anda, jika disokong oleh pembekal khidmat rangkaian anda

Kawasan NFC adalah di belakang telefon anda. Ketik telefon yang lain, aksesori, teg atau pembaca dengan kawasan NFC.

1. Ketik **Tetapan** > **Peranti tersambung** > **NFC**.
2. Tukarkan **NFC** kepada **Hidup**.

Sebelum menggunakan NFC, pastikan skrin dan kekunci telah dibuka kunci.

Baca teg NFC

Teg NFC boleh mengandungi maklumat, seperti alamat web, nombor telefon, atau kad perniagaan. maklumat yang anda mahukan boleh didapati hanya dengan mengetik.

Untuk membaca teg, ketik teg dengan kawasan NFC telefon anda.



Perhatian: Apl dan perkhidmatan pembayaran dan tiket disediakan oleh pihak ketiga. HMD Global tidak memberi apa-apa waranti atau bertanggungjawab untuk mana-mana aplikasi atau perkhidmatan seperti ini termasuk sokongan, kefungsiannya, transaksi, atau kehilangan apa-apa nilai monetari. Anda mungkin perlu memasang semula dan mengaktifkan kad yang anda telah tambah serta apl pembayaran atau tiket selepas membaiki peranti anda.

Sambung ke aksesori Bluetooth dengan NFC

Tangan sibuk? Gunakan set kepala. Atau mengapa tidak mendengar muzik menggunakan pembesar suara wayarles? Anda hanya perlu untuk mengetik aksesori yang serasi dengan telefon anda.

1. Ketik bahagian NFC pada aksesori dengan bahagian NFC pada telefon anda.*
2. Ikut arahan pada skrin.

*Aksesori dijual secara berasingan. Ketersediaan aksesori berbeza mengikut kawasan.

Putuskan sambungan aksesori yang disambungkan

Jika anda tidak memerlukan untuk telefon anda terus bersambung ke aksesori lagi, anda boleh memutuskan sambungan aksesori.

Ketik kawasan NFC aksesori sekali lagi.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat panduan pengguna aksesori.

VPN


Anda mungkin memerlukan sambungan rangkaian peribadi maya (VPN) untuk mengakses sumber syarikat anda, seperti intranet atau mel korporat, atau anda mungkin menggunakan perkhidmatan VPN untuk tujuan peribadi.

Hubungan pentadbir IT syarikat anda untuk mendapatkan butiran tentang konfigurasi VPN anda, atau semak laman web perkhidmatan VPN anda untuk mendapatkan maklumat tambahan.


Gunakan sambungan VPN yang selamat

1. Ketik **Tetapan** > **Rangkaian & Internet** > **VPN**.
2. Untuk menambah profil VPN, ketik **+**.
3. Taipkan maklumat profil sebagaimana yang diarahkan oleh pentadbir IT syarikat anda atau perkhidmatan VPN.

Edit profil VPN

1. Ketik  di sebelah nama profil.
2. Tukar maklumat seperti yang diperlukan.

Padam profil VPN

1. Ketik  di sebelah nama profil.
2. Ketik **LUPAKAN VPN**.

7 Muzik dan video

MUZIK

Dengar muzik kegemaran anda di mana jua anda berada.

Main muzik

1. Ketik **Main Muzik** > ≡ > **Pustaka muzik**.
2. Ketik artis, album, lagu, genre atau senarai main yang anda mahu mainkan.

Jeda atau sambung semula main balik

Ketik **II** untuk menjedakan dan **▶** untuk sambung semula.



Petua: Untuk memainkan lagu dalam tertib rawak, ketik **⌘**.

Cipta senarai main

Aturkan lagu anda ke dalam senarai main, supaya anda boleh mendengar muzik yang sesuai dengan perasaan anda.

1. Apabila memainkan lagu, ketik **⋮** > **Tambah ke senarai main**.
2. Untuk menambah lagu ke senarai main baharu anda, ketik **SENARAI MAIN BAHARU**, atau, untuk menambah lagu pada senarai main sedia ada, pilih senarai main daripada senarai.

Tambah lagu ke telefon anda

Sekiranya anda menyimpan muzik atau video dalam komputer anda, tetapi mahu mengaksesnya pada telefon anda, gunakan kabel USB untuk menyegerakkan media antara telefon anda dan komputer.

1. Sambungkan telefon anda ke komputer yang serasi dengan kabel USB.
2. Dalam pengurus fail komputer anda, seret dan lepaskan lagu dan video anda ke telefon anda.

VIDEO

Miliki media kegemaran anda bersama ketika anda dalam perjalanan – tonton video di mana jua anda berada.

Mainkan video

Ketik **Foto** dan ketik video yang anda mahu mainkan.



Petua: Untuk menjedakan main balik, ketik **⏮**. Untuk menyambung semula, ketik **▶**.

Mara laju atau putar semula video

Untuk mara laju atau putar semula video, seret pelungsur di bahagian bawah skrin di sebelah kanan atau kiri.

8 Aturkan hari anda

KALENDAR

Mengawasi masa – ketahui cara untuk menggunakan telefon anda sebagai jam, serta jam loceng dan cara untuk memastikan temu janji, tugas dan jadual anda dikemas kini.

Mengurus kalendar

Ketik **Kalendar** > ☰, dan pilih jenis kalendar yang anda ingin lihat.

Kalendar ditambah secara automatik apabila anda menambah akaun pada telefon anda. Untuk menambah akaun baharu dengan kalendar, pergi ke menu apl dan ketik **Tetapan** > **Pengguna & akaun** > **Tambah akaun**.

Tambahkan acara

Untuk mengingatkan temu janji atau acara, tambahkannya ke kalendar anda.

1. Dalam **Kalendar**, ketik + dan pilih jenis kemasukan.
2. Taipkan butiran yang anda mahu dan tetapkan masa.
3. Untuk membuat acara berulang pada hari tertentu, ketik **Lagi pilihan** > **Tidak berulang** dan pilih kekerapan acara tersebut akan berulang.
4. Untuk mengedit masa peringatan, ketik masa peringatan, dan pilih masa yang anda perlukan.



Petua: Untuk mengedit acara, ketik acara dan ✎, dan edit butirannya.

Padam temu janji

1. Ketik acara.
2. Ketik ⋮ > **Padam**.

NOTA

Buat nota

Nota pada kertas mudah untuk hilang. Sebaliknya, tuliskannya dengan apl **Keep**. Dengan cara ini, anda sentiasa membawa nota anda bersama anda.

1. Ketik **Keep** > **Ambil nota**.
2. Tuliskan nota.


Nota anda telah disimpan secara automatik.

9 Peta

CARI TEMPAT DAN DAPATKAN ARAH

Cari tempat

Google Maps membantu anda untuk menemui lokasi dan perniagaan yang tertentu.

1. Ketik **Peta**.
2. Tulis perkataan carian, seperti alamat jalan atau nama tempat, dalam bar carian.
3. Pilih item daripada senarai padanan yang dicadangkan sebagaimana yang anda tulis, atau ketik  untuk mencari.


Lokasi ditunjukkan pada peta. Jika tiada hasil carian didapati, pastikan ejaan perkataan carian anda adalah betul.

Lihat lokasi semasa anda

Ketik **Peta** > .

Dapatkan arah ke sesuatu tempat

Dapatkan arah untuk berjalan, memandu atau menggunakan pengangkutan awam – gunakan lokasi semasa anda atau mana-mana tempat yang lain sebagai titik permulaan.

1. Ketik **Peta** dan masukkan destinasi anda dalam bar carian.
2. Ketik **Arah**. Ikon yang terserlah menunjukkan mod pengangkutan, sebagai contoh . Untuk menukar mod, pilih mod baharu di bawah bar carian.
3. Jika anda tidak mahu titik permulaan menjadi lokasi semasa anda, ketik **Lokasi anda**, dan cari titik permulaan baharu.
4. Ketik **MULA** untuk memulakan navigasi.

Laluan ditunjukkan pada peta, berserta anggaran masa yang diambil untuk tiba di sana. Untuk melihat arah yang terperinci, leret ke atas dari bawah skrin.

MUAT TURUN DAN KEMAS KINI PETA

Muat turun peta

Simpan peta baharu dalam telefon anda sebelum perjalanan, supaya anda boleh melayari peta tanpa sambungan internet apabila melakukan perjalanan.

1. Ketik **Peta** > ≡ > **Peta luar talian** > **PILIH PETA ANDA SENDIRI**.
2. Pilih kawasan pada peta dan ketik **MUAT TURUN**.

Kemas kini peta sedia ada

1. Ketik **Peta** > ≡ > **Peta luar talian** dan nama peta.
2. Ketik **KEMAS KINI**.



Petua: Anda juga boleh menetapkan telefon anda untuk mengemas kini peta secara automatik. Ketik **Peta** > ≡ > **Peta luar talian** > ⚙️ dan tukar **Kemas kini secara automatik peta luar talian** dan **Muat turun secara automatik peta luar talian** kepada **Hidup**.

Padam peta

1. Ketik **Peta** > ≡ > **Peta luar talian** dan nama peta.
2. Tap **PADAM**.

GUNAKAN PERKHIDMATAN LOKASI

Gunakan Peta untuk mengetahui di mana anda berada, lampirkan lokasi anda pada foto yang anda ambil. Maklumat lokasi boleh dilampirkan pada foto atau video, jika lokasi anda boleh ditentukan menggunakan satelit atau teknologi rangkaian. Jika anda berkongsi foto atau video yang mengandungi maklumat lokasi, maklumat lokasi mungkin ditunjukkan kepada pengguna yang melihat foto atau video. Beberapa apl boleh menggunakan maklumat lokasi anda untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan yang meluas.

Hidupkan perkhidmatan lokasi

Telefon anda menunjukkan lokasi anda pada peta menggunakan sistem penentududukan satelit, Wi-Fi, atau penentududukan berasaskan rangkaian (ID Sel).

Ketersediaan, ketepatan dan kelengkapan maklumat lokasi bergantung kepada, sebagai contoh, lokasi anda, persekitaran dan sumber pihak ketiga dan mungkin terhad. Maklumat

lokasi mungkin tidak tersedia, sebagai contoh, di dalam bangunan atau di bawah tanah. Untuk melihat maklumat privasi yang berkaitan dengan kaedah penentukedudukan, lihat Dasar Privasi HMD Global, yang boleh didapati di <http://www.hmd.com/privacy>.

Beberapa sistem penentududukan satelit mungkin perlu memindahkan jumlah kecil data melalui rangkaian mudah alih. Sekiranya anda mahu mengelakkan kos data, sebagai contoh ketika melakukan perjalanan, anda boleh mematikan sambungan data mudah alih dalam tetapan telefon anda.

Penentududukan Wi-Fi meningkatkan ketepatan kedudukan apabila isyarat satelit tidak tersedia, terutamanya apabila anda berada di dalam atau di antara bangunan tinggi. Sekiranya anda berada di tempat yang penggunaan Wi-Finya terhad, anda boleh mematikan Wi-Fi dalam tetapan telefon anda.

Ketik **Tetapan** > **Keselamatan & lokasi** dan hidupkan **Lokasi**.

10 Apl dan perkhidmatan

GOOGLE PLAY

Telefon Android anda boleh menghidupkan potensi sepenuhnya dengan Google Play – apl, muzik, filem dan buku semuanya tersedia untuk hiburan anda. Semua yang anda perlukan ialah akaun Google.

Tambah akaun Google kepada telefon anda

1. Ketik **Tetapan** > **Pengguna & akaun** > **Tambah akaun** > **Google**. Jika diminta, sahkan kaedah mengunci peranti anda.
2. Taipkan kelayakan akaun Google anda dan ketik **Seterusnya**, atau, untuk membuat akaun baru, ketik **Cipta akaun**.
3. Ikut arahan pada telefon anda.

Muat turun apl

Lepaskan potensi telefon anda – terdapat ribuan apl yang menunggu dalam Google Play Store untuk membantu anda dengannya.¹

1. Ketik **Play Store**.
2. Ketik bar carian untuk mencari apl, atau pilih apl daripada cadangan anda.
3. Dalam keterangan apl, ketik **PASANG** untuk memuat turun dan memasang apl tersebut.

Untuk melihat apl anda, pergi ke skrin utama dan leret ke atas dari bawah skrin.

Kemas kini apl

Kemas kini apl **Play Store** anda untuk mendapatkan semua ciri terkini dan pembetulan pepijat.

1. Ketik **Play store** > ≡ > **Apl & permainan saya** untuk melihat kemas kini yang tersedia.
2. Ketik apl dengan kemas kini yang tersedia dan **KEMAS KINI**.

Anda juga boleh mengemas kini semua apl sekaligus. Dalam **Apl & permainan saya**, ketik **KEMAS KINI SEMUA**.

Keluarkan apl yang dimuat turun

Ketik **Play Store** > ≡ > **Apl & permainan saya**, pilih apl yang anda mahu keluarkan dan ketik **NYAHPASANG**.

Dapatkan muzik, filem, atau buku dengan Google Play.

Dengan Google Play, anda boleh mendapat akses kepada jutaan lagu dan ribuan filem, dan buku.

Ketik **Muzik**, **Filem** atau **Buku** untuk mengetahui lebih lanjut.

¹ Anda perlu menambah akaun Google kepada telefon anda untuk menggunakan perkhidmatan Google Play. Caj mungkin dikenakan pada sesetengah kandungan yang tersedia dalam Google Play. Untuk menambah kaedah pembayaran, ketik **Play Store** > **Menu** > **Akaun** > **Kaedah pembayaran**. Sentiasa pastikan anda mempunyai kebenaran daripada pemilik kaedah pembayaran apabila membeli kandungan daripada Google Play.

11 Kemas kini dan sandaran perisian

KEMAS KINI PERISIAN TELEFON ANDA

Ikuti perkembangan – kemas kini perisian dan apl telefon anda secara wayarles untuk mendapatkan ciri baharu dan dipertingkatkan untuk telefon anda. Prestasi telefon anda boleh ditingkatkan dengan mengemas kini perisiannya.

Pasang kemas kini yang tersedia

Ketik **Tetapan** > **Tentang telefon** > **Kemas kini sistem** > **Semak ketersediaan kemas kini** untuk menyemak sama ada terdapat kemas kini.

Apabila telefon anda memberitahu anda bahawa kemas kini tersedia, hanya ikut arahan yang dipaparkan pada telefon anda. Jika telefon anda kekurangan memori, anda mungkin perlu memindahkan apl, foto dan bahan anda yang lain ke kad memori.

Amaran: Jika anda memasang kemas kini perisian, anda tidak boleh menggunakan peranti, meskipun untuk membuat panggilan kecemasan, sehingga pemasangan telah selesai dan peranti dimulakan semula.

Sebelum memulakan kemas kini, sambungkan pengecas atau pastikan bateri peranti mempunyai cukup kuasa, dan sambungkan kepada Wi-Fi, kerana pakej kemas kini mungkin menggunakan banyak data mudah alih.

SANDARKAN DATA ANDA

Untuk memasukkan data anda selamat, gunakan ciri sandaran dalam telefon anda. Data peranti anda (spt k/laluan Wi-Fi & sejarah pgn) & data apl (spt tetapan dan fail yg disimpan oleh apl) akan disandarkan secara jauh.

Hidupkan sandaran automatik

Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **Sandaran** dan hidupkan sandaran.

PULIHKAN TETAPAN ASAL DAN KELUARKAN KANDUNGAN PERIBADI DARIPADA TELEFON ANDA

Kemalangan boleh berlaku – jika telefon anda tidak berfungsi dengan betul, anda boleh memulihkan tetapannya. Atau, jika anda membeli telefon baharu, atau sebaliknya mahu melupuskan atau mengitar semula telefon anda, ini adalah caranya anda boleh mengeluarkan maklumat dan kandungan peribadi anda. Ambil perhatian bahawa ana bertanggungjawab untuk mengalih keluar semua kandungan peribadi.

Tetapkan semula telefon anda

1. Ketik **Tetapan** > **Sistem** > **pilihan Tetapkan Semula** > **Padam semua data (tetap semula kilang)** .
2. Ikut arahan yang ditunjukkan pada telefon anda.

STORAN

Gunakan menu Storan untuk menyemak jumlah memori yang anda ada.

Keluarkan apl yang dimuat turun

Ketik **Play Store** > **≡** > **Apl & permainan saya** , pilih apl yang anda mahu keluarkan dan ketik **NYAHPASANG** .

Nyahdayakan apl

Anda tidak boleh memadamkan sesetengah apl yang diprapasang pada peranti anda. Tetapi anda boleh menyahdayakannya dan ia akan tersembunyi daripada senarai apl pada peranti anda. Jika anda menyahdayakan sesuatu apl, anda boleh menambahnya kembali pada peranti anda.

1. Ketik **Tetapan** > **Apl & pemberitahuan** .
2. Ketik **Maklumat aplikasi** .
3. Ketik nama apl.
4. Ketik **NYAHDAYAKAN** . Anda mungkin tidak dapat menyahdayakan semua apl.

Jika apl yang dipasang bergantung pada apl yang dikeluarkan, apl yang dipasang mungkin berhenti berfungsi. Untuk mendapatkan butiran, lihat dokumentasi pengguna apl yang dipasang.

Tambahkan kembali apl yang dinyahdayakan

Anda boleh menambah apl yang telah dinyahdayakan kembali kepada senarai apl.

1. Ketik **Tetapan** > **Apl & pemberitahuan** .
2. Ketik **Maklumat aplikasi** .
3. Ketik **Semua apl** > **apl dinyahdayakan** .
4. Ketik nama apl.
5. Ketik **DAYAKAN** .

Salin kandungan antara telefon dan komputer anda

Anda boleh menyalin foto, video, dan kandungan lain yang anda hasilkan antara telefon dan komputer anda untuk menunjukkan atau menyimpannya.

1. Sambungkan telefon anda dengan komputer yang serasi menggunakan kabel USB yang serasi.
2. Pada komputer anda, buka pengurus fail, seperti semak imbas ke telefon anda.
3. Seret dan lepaskan item dari telefon ke komputer anda, atau dari komputer ke telefon anda.

Pastikan anda meletakkan fail ke dalam foldekiyang betul pada telefon anda, atau anda mungkin tidak dapat melihatnya lagi.

12 Lindungi telefon anda

LINDUNGI TELEFON ANDA DENGAN CAP JARI ANDA

Anda boleh membuka kunci telefon anda dengan hanya sentuhan jari anda. Sediakan ID cap jari anda untuk keselamatan tambahan.

Tambah cap jari

1. Ketik **Tetapan** > **Keselamatan & Lokasi** > **Cap Jari**. Jika anda tidak menyediakan kunci skrin pada telefon anda, ketik **Kunci skrin**.
2. Pilih kaedah membuka kunci sandaran yang anda mahu gunakan untuk skrin kunci dan ikuti arahan yang dipaparkan pada telefon anda.

Buka kunci telefon anda dengan jari anda

Letakkan jari berdaftar anda pada sensor.

Jika terdapat ralat sensor cap jari dan anda tidak boleh menggunakan kaedah daftar masuk alternatif untuk memulihkan atau menetapkan semula telefon dalam sebarang cara, telefon anda memerlukan perkhidmatan oleh kakitangan yang dibenarkan. Caj tambahan mungkin dikenakan, dan semua data peribadi pada telefon anda mungkin dipadamkan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi titik layanan terdekat untuk telefon anda, atau wakil penjual telefon anda.

TUKAR KOD PIN SIM ANDA

Jika kad SIM anda disertakan dengan kod PIN SIM lalai, anda boleh menukarkannya kepada sesuatu yang lebih selamat. Bukan semua pembekal khidmat rangkaian menyokong ini.

Pilih PIN SIM anda

Anda boleh memilih nombor anda sendiri untuk PIN SIM. Kod PIN SIM boleh jadi 4-8 angka.

1. Ketik **Tetapan** > **Keselamatan** > **Menyediakan kundi kad SIM**.
2. Di bawah kad SIM yang dipilih, ketik **Ubah PIN SIM**.



Petua: Sekiranya anda tidak mahu melindungi SIM anda dengan kod PIN, dalam **Menyediakan kunci kad SIM**, tukar **Kunci kad SIM** kepada **Matikan**, dan taipkan dalam PIN semasa anda.

KOD AKSES

Ketahui maksud kod yang berbeza pada telefon anda.

Kod PIN atau PIN2

Kod PIN atau PIN2 mempunyai 4-8 digit.

Kod ini melindungi kad SIM anda daripada penggunaan yang tidak dibenarkan atau diperlukan untuk mengakses beberapa ciri. Anda boleh menetapkan telefon anda agar meminta kod PIN apabila anda menghidupkannya.

Jika anda terlupa kodnya atau tidak dibekalkan dengan kad anda, hubungi pembekal khidmat rangkaian anda.

Jika anda menaipkan kod yang salah 3 kali berturut-turut, anda perlu menyahsekat kodnya menggunakan kod PUK atau PUK2.

Kod PUK atau PUK2

Kod PUK atau PUK2 diperlukan untuk menyahsekat kod PIN atau PIN2.

Jika kod tidak dibekalkan dengan kad SIM anda, hubungi pembekal khidmat rangkaian anda.

Kod kunci

Kod kunci juga dikenali sebagai kod keselamatan atau kata laluan.

Kod kunci membantu anda melindungi telefon anda daripada penggunaan yang tidak sah. Anda boleh menetapkan telefon anda agar meminta kod kunci yang anda tetapkan. Pastikan kod dirahsiakan dan disimpan di tempat yang selamat, berasingan dari telefon anda.

Jika anda terlupa kodnya dan telefon anda terkunci, telefon anda memerlukan perkhidmatan. Caj tambahan mungkin dikenakan, dan semua data peribadi pada telefon anda mungkin dipadamkan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi kemudahan servis sah yang terdekat untuk telefon anda atau wakil penjual telefon anda.

Kod IMEI

Kod IMEI digunakan untuk mengenal pasti telefon dalam rangkaian. Anda mungkin juga perlu memberikan nombor kepada perkhidmatan kemudahan servis sah atau wakil penjual telefon anda.

Untuk melihat nombor IMEI anda, dail ***#06#**.

Kod IMEI telefon anda turut dicetak pada sama ada telefon anda atau pada dulang SIM bergantung pada model telefon anda. Jika telefon anda mempunyai penutup belakang yang boleh dibuka, anda boleh menemui kod IMEI di bawah penutup.

IMEI turut kelihatan pada kotak jualan asal.

Cari atau kunci telefon anda

Jika anda kehilangan telefon, anda boleh mencari, mengunci atau memadamkan telefon dari jauh jika anda mendaftar masuk ke Akaun Google. Cari Peranti Saya diaktifkan secara lalai untuk telefon yang dikaitkan dengan Akaun Google.

Untuk menggunakan Cari Peranti Saya, telefon anda yang hilang hendaklah:

- Dihidupkan
- Mendaftar masuk ke Akaun Google
- Disambungkan ke data mudah alih atau Wi-Fi
- Kelihatan di Google Play
- Lokasi dihidupkan
- Cari Peranti Saya dihidupkan

Apabila Cari Peranti Saya disambungkan dengan telefon, anda dapat melihat lokasi telefon dan telefon menerima pemberitahuan.

1. Buka android.com/find di komputer, tablet atau telefon yang disambungkan ke internet dan daftar masuk ke Akaun Google anda.
2. Jika anda mempunyai lebih daripada satu telefon, klik telefon yang hilang di bahagian atas skrin.
3. Di peta, lihat tempat telefon berada. Lokasi adalah anggaran dan mungkin tidak tetap.

Jika peranti anda tidak ditemui, Cari Peranti Saya akan menunjukkan lokasi terakhir yang diketahui, jika tersedia. Untuk mengunci atau memadam telefon anda, ikut arahan di tapak web.

13 Maklumat produk dan keselamatan

UNTUK KESELAMATAN ANDA

Baca garis panduan ringkas ini. Sekiranya tidak dipatuhi, anda mungkin mengalami keadaan berbahaya atau melanggar undang-undang dan peraturan setempat. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, baca panduan pengguna yang lengkap.

MATIKAN DI KAWASAN LARANGAN



Matikan peranti apabila peranti mudah alih tidak dibenarkan atau apabila peranti itu boleh menyebabkan gangguan atau bahaya, contohnya, di dalam pesawat, di hospital atau berdekatan dengan peralatan perubatan, bahan api, kimia, atau kawasan letupan. Patuhi semua arahan di kawasan larangan.

UTAMAKAN KESELAMATAN JALAN RAYA



Patuhi semua undang-undang setempat. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Pertimbangan pertama anda semasa memandu hendaklah keselamatan jalan raya.

GANGGUAN



Semua peranti wayarles boleh terdedah kepada gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

PERKHIDMATAN DIBENARKAN



Hanya kakitangan yang dibenarkan boleh memasang atau membaiki produk ini.

BATERI, PENGECAS, DAN AKSESORI LAIN



Hanya gunakan bateri, pengecas, dan aksesori lain yang diluluskan oleh HMD Global Oy untuk digunakan dengan peranti ini. Jangan sambungkan produk yang tidak serasi.

PASTIKAN PERANTI ANDA KERING



Jika peranti anda kalis air, lihat penilaian IP dalam spesifikasi teknikal peranti untuk mendapatkan panduan yang lebih terperinci.

BAHAGIAN KACA



Peranti dan/atau skrin peranti diperbuat daripada kaca. Kaca ini boleh pecah jika peranti terjatuh di atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kaca pecah, jangan sentuh bahagian kaca peranti tersebut atau cuba mengeluarkan kaca yang pecah daripada peranti. Berhenti menggunakan peranti sehingga kaca digantikan oleh kakitangan perkhidmatan yang dibenarkan.

LINDUNGI PENDENGARAN ANDA



Untuk mengelakkan kerosakan pendengaran yang mungkin berlaku pada tahap kelantangan yang tinggi bagi tempoh masa yang lama. Amalkan sifat berwaspada apabila memegang telefon anda berdekatan dengan telinga anda semasa pembesaran suara sedang diguna.

SAR



Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF semasa menggunakan sama ada dalam kedudukan penggunaan yang biasa pada telinga atau apabila berada dalam kedudukan sekurang-kurangnya 1.5 sentimeter (5/8 mm) dari badan anda. Nilai SAR maksimum khusus boleh ditemui di bahagian Maklumat Pensijilan (SAR) dalam panduan pengguna ini. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat bahagian Maklumat Pensijilan (SAR) dalam panduan pengguna ini atau layari www.sar-tick.com.

PERKHIDMATAN DAN KOS RANGKAIAN

Penggunaan sesetengah ciri dan perkhidmatan, atau memuat turun kandungan, termasuk item percuma, memerlukan sambungan rangkaian. Ini boleh menyebabkan pemindahan jumlah data yang besar, yang boleh menyebabkan kos data. Anda mungkin juga perlu melanggan kepada sesetengah ciri.

! **Penting:** 4G/LTE mungkin tidak disokong oleh pembekal khidmat rangkaian anda atau pembekal perkhidmatan yang anda gunakan semasa dalam perjalanan. Dalam kes ini, anda mungkin tidak dapat untuk membuat atau menerima panggilan, menghantar atau menerima mesej atau menggunakan sambungan data mudah alih. Untuk memastikan peranti anda berfungsi dengan lancar apabila perkhidmatan 4G/LTE penuh tidak tersedia, anda disyorkan untuk menukar kelajuan sambungan tertinggi daripada 4G kepada 3G. Untuk melakukan ini, di skrin utama, ketik **Tetapan > Rangkaian & Internet > Rangkaian mudah alih** dan tukar **Jenis rangkaian pilihan** kepada **3G**.

! **Nota:** Menggunakan Wi-Fi mungkin terhad dalam sesetengah negara. Sebagai contoh, di EU, anda hanya dibenarkan untuk menggunakan 5150–5350 MHz Wi-Fi di dalam bangunan dan di AS dan Kanada, anda hanya dibenarkan untuk menggunakan 5.15–5.25 GHz Wi-Fi di dalam bangunan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pihak berkuasa tempatan anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat rangkaian anda.


PANGGILAN KECEMASAN

! **Penting:** Sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Jangan sekali-kali bergantung pada mana-mana telefon wayarles semata-mata untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Sebelum membuat panggilan:

- Hidupkan telefon.
- Jika skrin dan kekunci telefon terkunci, buka kunci skrin dan kekunci tersebut.
- Beralih ke tempat yang mempunyai kekuatan isyarat yang mencukupi.

Pada skrin utama, ketik .

1. Taipkan nombor kecemasan rasmi untuk lokasi anda sekarang. Nombor panggilan kecemasan adalah berbeza-beza mengikut lokasi.
2. Ketik .

3. Berikan maklumat yang diperlukan setepat yang boleh. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan untuk melakukannya.

Anda mungkin juga perlu melakukan perkara yang berikut:

- Masukkan kad SIM di dalam telefon. Jika anda tiada kad SIM, pada skrin kunci, ketik **Kecemasan**.
- Jika telefon anda meminta kod PIN, ketik **Kecemasan**.
- Matikan sekatan panggilan dalam telefon, seperti sekatan panggilan, dailan tetap, atau kumpulan pengguna tertutup.
- Jika rangkaian mudah alih tidak tersedia, anda boleh juga mencuba membuat panggilan internet, jika anda boleh mengakses internet.

MENJAGA PERANTI ANDA

Kendalikan peranti, bateri, pengecas dan aksesori anda dengan berhati-hati. Cadangan yang berikut membantu anda memastikan peranti anda beroperasi.

- Pastikan peranti tersebut kering. Mendakan, kelembapan, dan semua jenis cecair atau lembapan boleh mengandungi mineral yang menghakis litar elektronik.
- Jangan gunakan atau simpan peranti di dalam kawasan yang berdebu atau kotor.
- Jangan simpan peranti dalam keadaan suhu yang tinggi. Suhu yang tinggi boleh merosakkan peranti atau bateri.
- Jangan simpan peranti dalam keadaan suhu yang sejuk. Apabila peranti memanas kepada suhu biasanya, lembapan boleh terbentuk di dalam peranti dan merosakkannya.
- Jangan buka peranti selain daripada yang diarahkan dalam panduan pengguna.
- Pengubahsuaian yang tidak dibenarkan boleh merosakkan peranti dan melanggar undang-undang yang menguasai peranti radio.
- Jangan jatuhkan, hantukkan, atau goncangkan peranti atau bateri. Pengendalian dengan cara kasar boleh menyebabkan peranti pecah.
- Hanya gunakan kain yang lembut, bersih, kering untuk membersihkan permukaan peranti.
- Jangan cat peranti. Cat boleh menghalang operasi yang betul.
- Pastikan peranti berada jauh dari magnet atau medan magnet.
- Untuk memastikan data penting anda selamat, simpan di sekurang-kurangnya dua tempat yang berasingan, seperti peranti anda, kad memori, atau komputer, atau tuliskan maklumat penting.

Semasa operasi yang lama, peranti mungkin terasa panas. Dalam kebanyakan kes, ini adalah perkara biasa. Untuk mengelakkan daripada menjadi terlalu panas, peranti mungkin menjadi lambat secara automatik, menutup apl, mematikan pengecasan, dan jika perlu, mematikan peranti itu sendiri. Jika peranti tidak berfungsi dengan betul, bawa peranti ke kemudahan perkhidmatan sah yang terdekat.

KITAR SEMULA



Sentiasa kembalikan produk elektronik, bateri, dan bahan pembungkusan ke pusat pengumpulan yang dikhaskan. Dengan cara ini anda membantu mencegah pelupusan sisa tanpa kawalan dan menggalakkan pengitaran semula bahan. Produk elektrik dan elektronik mengandungi banyak bahan yang berharga, termasuk logam (seperti kuprum, aluminium, keluli, dan magnesium) dan logam berharga (seperti emas, perak, dan paladium). Semua bahan daripada peranti boleh dipulihkan semula sebagai bahan dan tenaga.

SIMBOL TONG BERODA YANG BERPANGKAH

Simbol tong beroda yang berpangkah



Simbol bin beroda yang berpangkah pada produk, bateri, risalah, atau pembungkusan anda mengingatkan anda bahawa semua produk elektrik dan elektronik serta bateri mesti dibawa ke pusat pengutipan yang berasingan pada akhir hayat kerjanya. Jangan lupa untuk mengeluarkan data peribadi daripada peranti terlebih dahulu. Jangan lupuskan produk ini sebagai sisa perbandaran yang tidak diisih: bawa produk itu untuk dikitar semula. Untuk mendapatkan maklumat tentang titik kitar semula yang berdekatan dengan anda, semak dengan pihak berkuasa sisa tempatan anda atau baca tentang program ambil semula HMD dan ketersediaannya di negara anda di www.hmd.com/support/topics/recycle.

MAKLUMAT BATERI DAN PENGECAS

Maklumat bateri dan pengecas

Untuk menyemak sama ada telefon anda memiliki bateri boleh dikeluarkan atau tidak boleh dikeluarkan, lihat panduan bercetak.

Peranti dengan bateri boleh dikeluarkan Gunakan peranti anda hanya dengan bateri boleh cas semula yang asli. Bateri boleh dicaskan dan dicaskan ratusan kali, tetapi bateri ini akan akhirnya tidak tahan. Apabila masa bual dan tunggu sedia menjadi lebih pendek daripada biasa dengan ketara, gantikan bateri tersebut.

Peranti dengan bateri tidak boleh dikeluarkan Jangan cuba mengeluarkan bateri kerana anda boleh merosakkan peranti. Bateri boleh dicaskan dan dicaskan ratusan kali, tetapi bateri ini akan akhirnya tidak tahan. Apabila masa bual dan tunggu sedia menjadi lebih pendek daripada biasa dengan ketara, untuk menggantikan bateri tersebut, bawa peranti tersebut ke kemudahan perkhidmatan sah yang berdekatan.

Caskan peranti anda dengan pengecas yang serasi. Jenis palam pengecas mungkin berbeza-beza. Masa pengecasan mungkin berbeza-beza bergantung pada keupayaan peranti.

Maklumat keselamatan bateri dan pengecas

Apabila pengecasan peranti anda lengkap, tanggalkan pengecas daripada peranti dan sumber keluar elektrik. Harap maklum bahawa pengecasan berterusan tidak boleh melebihi 12 jam. Jika dibiarkan tidak digunakan, bateri yang dicaskan sepenuhnya akan semakin lama kehilangan casnya.

Suhu melampau mengurangkan kapasiti dan hayat bateri. Sentiasa pastikan bateri antara 15°C dan 25°C (59°F dan 77°F) untuk prestasi optimum. Peranti dengan bateri yang panas atau sejuk mungkin tidak berfungsi secara sementara. Harap maklum bahawa bateri mungkin kehabisan dengan cepat dalam suhu sejuk dan kehilangan kuasa sehingga telefon mati dalam masa beberapa minit. Apabila anda berada di luar dalam suhu sejuk, pastikan telefon anda tidak sejuk.

Patuhi peraturan setempat. Kitar semula jika boleh. Jangan lupuskannya sebagai sisa isi rumah.

Jangan dedahkan bateri kepada tekanan udara yang rendah ekstrem atau biarkan terdedah kepada suhu yang tinggi ekstrem, sebagai contoh melupuskan dalam api, kerana ini boleh mengakibatkan bateri ini meletup atau kebocoran cecair atau gas yang mudah terbakar.

Jangan ceraikan, potong, hancur, bengkokkan, tebuk atau sebaliknya merosakkan bateri dalam apa-apa cara. Sekiranya bateri bocor, jangan biarkan cecair menyentuh kulit atau mata. Jika ini berlaku, segera bilas kawasan yang terjejas dengan air, atau dapatkan bantuan doktor. Jangan ubah suai, cuba untuk memasukkan objek asing ke dalam bateri, atau merendam atau mendedahkannya ke dalam air atau cecair yang lain. Bateri boleh meletup jika rosak.

Gunakan bateri dan pengecas untuk tujuan yang sepatutnya sahaja. Penggunaan yang salah atau penggunaan bateri atau pengecas yang tidak dibenarkan atau tidak serasi boleh membawa risiko kebakaran, letupan, atau bahaya yang lain dan boleh membatalkan mana-mana kebenaran atau waranti. Sekiranya anda percaya bateri atau pengecas telah rosak, bawanya ke pusat perkhidmatan atau penjual telefon anda sebelum meneruskan untuk menggunakannya. Jangan sesekali gunakan bateri atau pengecas yang telah rosak. Hanya gunakan pengecas di dalam bangunan. Jangan cas peranti anda ketika ribut kilat. Apabila pengecas tidak disertakan dalam pek jualan, cas peranti anda menggunakan kabel data (disertakan) dan penyesuai kuasa USB (mungkin dijual berasingan). Anda boleh mengecas peranti anda menggunakan kabel dan penyesuai kuasa pihak ketiga yang akur USB 2.0 atau lebih terkini dan dengan peraturan

negara dan standard keselamatan antarabangsa dan serantau. Penyesuai lain mungkin tidak memenuhi standard keselamatan yang terpakai, dan mengecas dengan penyesuai seperti ini boleh menampilkan risiko kehilangan harta benda atau kecederaan peribadi.

Untuk mencabut palam pengecas atau aksesori, tahan dan tarik palam, bukan kord.

Selain itu, yang berikut terguna pakai sekiranya peranti anda memiliki bateri yang tidak boleh dikeluarkan:

- Sentiasa matikan peranti dan cabutkan palam pengecas sebelum mengeluarkan bateri.
- Litar pintas yang tidak disengajakan boleh berlaku apabila objek berlogam menyentuh jalur logam pada bateri. Ini boleh merosakkan bateri atau objek yang lain.

KANAK-KANAK KECIL

Peranti anda dan aksesori anda bukanlah permainan. Peranti mungkin mengandungi bahagian kecil. Jauhkan dari capaian kanak-kanak kecil.

PERANTI PERUBATAN

Operasi peralatan pemancaran radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi peranti perubatan yang tidak berperisai dengan secukupnya. Rujuk pengamal perubatan atau pengeluar peranti perubatan untuk menentukan sama ada peranti tersebut berperisai dengan secukupnya daripada tenaga radio luar.

PERANTI PERUBATAN YANG DIIMPLAN

Untuk mengelak kemungkinan gangguan, pengeluar peranti perubatan yang diimplan (seperti perentak kardiak, pam insulin dan neurostimulator) mengesyorkan jarak pemisahan minimum 15.3 sentimeter (6 inci) di antara peranti wayarles dengan peranti perubatan tersebut. Orang yang mempunyai peranti tersebut hendaklah:

- Sentiasa memastikan peranti wayarles berada lebih dari 15.3 sentimeter (6 inci) dari peranti perubatan.
- Tidak membawa peranti wayarles di dalam saku di dada.
- Pegang peranti wayarles ke telinga yang bertentangan dengan peranti perubatan.
- Matikan peranti wayarles jika terdapat apa-apa sebab untuk mengesyaki bahawa gangguan sedang berlaku.
- Patuhi arahan pengeluar untuk peranti perubatan yang diimplan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang menggunakan peranti wayarles anda dengan peranti perubatan yang diimplan, rujuk penyedia penjagaan kesihatan anda.

PENDENGARAN



Amaran: Apabila anda menggunakan set kepala, keupayaan anda untuk mendengar bunyi luar mungkin terjejas. Jangan gunakan set kepala di kawasan yang boleh membahayakan keselamatan anda.

Sesetengah peranti wayarles mungkin mengganggu sesetengah bantuan pendengaran.

LINDUNGI PERANTI ANDA DARIPADA KANDUNGAN YANG BERBAHAYA

Peranti anda mungkin terdedah kepada virus dan kandungan berbahaya yang lain. Ambil langkah berjaga-jaga yang berikut:

- Berwaspada semasa membuka mesej. Mesej itu mungkin mengandungi perisian berniat jahat atau sebaliknya berbahaya kepada peranti atau komputer anda.
- Berwaspada semasa menerima permintaan ketersambungan, menyemak imbas internet, atau memuat turun kandungan. Jangan terima sambungan Bluetooth dari sumber yang anda tidak percaya.
- Hanya pasang dan gunakan perkhidmatan dan perisian dari sumber yang anda percaya dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi.
- Pasang antivirus dan perisian keselamatan yang lain pada peranti anda dan sebarang komputer yang disambungkan. Hanya gunakan satu apl antivirus pada satu masa. Penggunaan lebih banyak antivirus boleh menjejaskan prestasi dan operasi peranti dan/atau komputer.
- Jika anda mengakses penanda buku yang diprapasang dan pautan kepada tapak internet pihak ketiga, ambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya. HMD Global tidak menyokong atau bertanggungjawab terhadap tapak yang sedemikian.

KENDERAAN

Isyarat radio boleh menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasang dengan betul atau tidak berperisai dengan secukupnya di dalam kenderaan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, semak dengan pengeluar kenderaan anda atau peralatannya. Hanya kakitangan yang dibenarkan boleh memasang peranti dalam kenderaan. Pemasangan yang rosak mungkin berbahaya dan membatalkan waranti anda. Periksa dengan kerap bahawa semua peralatan peranti wayarles di dalam kenderaan anda telah dilekapkan dan beroperasi dengan betul. Jangan simpan atau bawa bahan mudah bakar atau letupan di dalam ruang yang sama seperti peranti, bahagian, atau aksesori. Jangan letakkan peranti atau aksesori anda di kawasan pengedaran beg udara.

PERSEKITARAN YANG BERPOTENSI MELETUP

Matikan peranti anda semasa berada di kawasan yang berpotensi meletup, seperti berdekatan dengan pam gas. Percikan boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang mengakibatkan

kecederaan atau kematian. Ambil perhatian tentang larangan di kawasan yang mengandungi bahan api, kilang kimia; atau di tempat yang sedang menjalankan operasi letupan. Kawasan yang mempunyai persekitaran yang berpotensi meletup mungkin tidak ditandai dengan jelas. Ini biasanya adalah kawasan yang anda dinasihatkan agar mematikan enjin anda, di bawah dek bot, kemudahan pemindahan atau penyimpanan bahan kimia, dan di tempat di mana udaranya mengandungi bahan kimia atau zarah. Semak dengan pengeluar kenderaan yang menggunakan gas petrol cair (seperti propana atau butana) sama ada peranti ini boleh digunakan dengan selamat di kawasan yang berdekatan.

KEADAAN BASAH ATAU BERDEBU

Peranti ini telah diberikan rating IP67 untuk rintangan debu dan air berdasarkan pada ujian yang dilakukan dalam mod siap sedia di bawah keadaan makmal terkawal. Rintangan ini bukan keadaan yang kekal dan mungkin berkurangan akibat daripada kelusuhan biasa.

Rintangan air bermakna rintangan terdapat air bersih yang segar dan sejuk sahaja. Jangan dedahkan peranti kepada apa-apa jenis cecair yang lain (seperti air laut, air sabun, air kolam renang, detergen, asid atau pelarut, minyak wangi, pengeluar pelekat, dai rambut, losyen, bahan kalis matahari atau minyak). Jangan rendamkan peranti dalam air. Jika peranti telah terdedah kepada air, lap dengan kain yang kering. Jika peranti telah terdedah kepada sebarang cecair lain, percik sedikit air bersih pada peranti tersebut dengan segera. Lap peranti tersebut dengan cermat sehingga kering. Jangan cas peranti atau sambungkan kepada apa-apa jika penyambung berdebut, basah atau lembap.

Penting: Kerosakan cecair tidak diliputi oleh waranti. Untuk mengelakkan kerosakan cecair, elakkan daripada berenang atau mandi dengan peranti, mendedharkannya kepada air bertekanan atau berkelajuan tinggi (seperti semasa mandi, meluncur air atau bermain jet ski), menggunakan peranti dalam bilik sauna atau strim, merendamkan air dengan sengaja, atau menggunakan peranti di luar julat suhu yang dicadangkan atau dalam keadaan kelembapan yang tinggi.

Penting: Aksesori untuk digunakan dengan peranti ini adalah bukan kalis air seperti peranti ini. Sebagai contoh, pengecas hendaklah hanya digunakan dalam keadaan yang kering, bukan lembap atau basah.

MAKLUMAT PENSIJILAN (SAR)

Peranti mudah alih ini memenuhi garis panduan untuk pendedahan terhadap gelombang radio.

Peranti mudah alih anda ialah sebuah pemancar dan penerima radio. Ini direka bentuk untuk tidak melebihi had untuk pendedahan terhadap gelombang radio (medan elektromagnet frekuensi radio), disyorkan oleh garis panduan antarabangsa daripada organisasi saintifik bebas ICNIRP. Garis panduan ini merangkumi margin keselamatan yang besar yang bertujuan untuk memastikan perlindungan semua orang tidak kira usia dan kesihatan. Garis panduan pendedahan adalah berdasarkan kepada Kadar Penyerapan Khusus (SAR), yang merupakan pernyataan jumlah kuasa frekuensi radio (RF) yang disimpan dalam kepala atau badan ketika

peranti sedang memancarkan. Had SAR ICNIRP untuk peranti mudah alih adalah 2.0 W/kg dipuratakan melalui 10 gram tisu.

Ujian SAR telah dijalankan dengan peranti dalam kedudukan operasi yang standard, menghantar pada tahap kuasa tertinggi yang sah, dalam semua jalur frekuensi.

Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan pada kepala atau apabila dalam kedudukan sekurang-kurangnya 5/8 inci (1.5 sentimeter) jauh. Semasa membawa beg, klip tali, bentuk pemegang peranti lain yang digunakan untuk operasi yang dipakai pada badan, tidak sepatutnya mengandungi logam dan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya jarak pemisahan dari badan yang dinyatakan di atas.

Untuk menghantar data atau mesej, sambungan yang baik kepada rangkaian diperlukan. Penghantaran mungkin tertunda sehingga sambungan sedemikian tersedia. Ikut arahan jarak pemisahan sehingga penghantaran selesai.

Semasa penggunaan am, nilai SAR biasanya berada jauh di bawah nilai yang dinyatakan di atas. Ini kerana, bagi tujuan kecekapan sistem dan meminimumkan gangguan pada rangkaian, kuasa operasi peranti mudah alih anda akan berkurangan secara automatik apabila kuasa penuh tidak diperlukan untuk panggilan tersebut. Semakin rendah output kuasa, semakin rendah nilai SAR.

Model peranti mungkin mempunyai versi yang berbeza dan lebih daripada satu nilai. Perubahan komponen dan reka bentuk boleh berlaku dari masa ke masa dan sesetengah perubahan boleh memberi kesan pada nilai SAR.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke www.sar-tick.com. Ambil perhatian bahawa peranti mudah alih boleh memancarkan walaupun anda tidak membuat panggilan suara.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyatakan bahawa maklumat saintifik semasa tidak menunjukkan keperluan untuk apa-apa langkah berjaga-jaga khas semasa menggunakan peranti mudah alih. Jika anda berminat untuk mengurangkan pendedahan anda, mereka mengesyorkan anda mengehadkan penggunaan anda atau menggunakan kit bebas tangan untuk memastikan peranti jauh daripada kepala dan badan anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan penerangan serta perbincangan tentang pendedahan RF, pergi ke laman web WHO di www.who.int/health-topics/electromagnetic-fields#tab=tab_1.

Sila rujuk www.hmd.com/sar untuk mendapatkan nilai SAR maksimum peranti.

TENTANG PENGURUSAN HAK DIGITAL

Apabila menggunakan peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati adat setempat, privasi dan hak orang lain yang sah, termasuk hak cipta. Perlindungan hak cipta boleh mencegah anda daripada menyalin, mengubahsuai atau memindahkan foto, muzik dan kandungan yang lain.

COPYRIGHTS AND NOTICES

Hak cipta dan notis lain

Ketersediaan produk, ciri, apl dan perkhidmatan mungkin berbeza mengikut kawasan. Untuk

mendapatkan maklumat lanjut, hubungi penjual anda atau pembekal khidmat anda. Peranti ini mungkin mengandungi komoditi, teknologi atau perisian yang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan eksport dari AS dan negara yang lain. Lencongan yang berlawanan dengan undang-undang adalah dilarang.

Kandungan dokumen ini disediakan "seperti adanya". Kecuali yang dikehendaki oleh undang-undang yang terguna pakai, tiada jaminan dalam sebarang bentuk, sama ada secara nyata atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad, kepada jaminan tersirat kebolehdagangan dan kesesuaian untuk suatu tujuan tertentu, dibuat sehubungan dengan ketepatan, kebolehpercayaan atau kandungan dokumen ini. HMD Global berhak untuk mengulang kaji dokumen ini atau menariknya semula pada bila-bila masa tanpa notis bertulis.

Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang terguna pakai, HMD Global atau mana-mana pemegang lesen tidak akan bertanggungjawab di bawah apa jua keadaan untuk mana-mana kehilangan data atau pendapatan atau mana-mana kerosakan yang khas, sampingan, berakibat atau tidak langsung yang diakibatkan dalam apa jua cara.

Pengeluaran semula, pemindahan atau pengedaran sebahagian atau semua kandungan dokumen ini dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis awal daripada HMD Global adalah dilarang. HMD Global mengendalikan dasar pembangunan yang berterusan. HMD Global berhak untuk membuat perubahan dan peningkatan terhadap mana-mana produk yang diterangkan di dalam dokumen ini tanpa notis bertulis.

HMD Global tidak memberikan apa-apa gambaran, menyediakan jaminan atau bertanggungjawab untuk kefungsiannya, kandungan atau sokongan pengguna akhir apl pihak ketiga yang disediakan dengan peranti anda. Dengan menggunakan apl, anda mengakui bahawa apl ini disediakan seperti adanya.

Memuat turun peta, permainan, muzik dan video dan memuat naik imej dan video boleh melibatkan pemindahan jumlah data yang besar. Pembekal khidmat anda mungkin mengenakan bayaran untuk penghantaran data. Ketersediaan produk tertentu, perkhidmatan dan ciri mungkin berbeza mengikut kawasan. Sila semak dengan penjual setempat anda untuk mendapatkan butiran lanjut dan ketersediaan pilihan bahasa.

Ciri, kefungsiannya dan spesifikasi produk tertentu mungkin bergantung kepada rangkaian dan tertakluk kepada terma, syarat dan bayaran tambahan.

Semuanya tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

HMD Global Oy ialah pemegang lesen eksklusif jenama Nokia untuk telefon & tablet. Nokia ialah tanda dagangan berdaftar Nokia Corporation. OZO ialah tanda dagangan Nokia Technologies Oy.

Dasar Privasi HMD Global, tersedia di <http://www.hmd.com/privacy>, digunakan pada penggunaan peranti oleh anda.

Qualcomm dan Snapdragon ialah tanda dagangan Qualcomm Incorporated, yang didaftarkan di Amerika Syarikat dan negara lain.

Android, Google dan Google Play ialah tanda dagangan Google Inc.

ZEISS, log ZEISS, Tessar dan T* ialah tanda dagangan berdaftar Carl Zeiss AG yang digunakan dengan lesen Carl Zeiss Vision GmbH.

Semua tanda dagangan yang lain adalah harta pemilikannya masing-masing.